

Sejarah Politik Mamluk (648-922H/1250-1517M): Suatu Pengamatan Berdasarkan Sumber Primer dan Sekunder

Wan Kamal Mujani
Inawan@ukm.my
 Institut Kajian Asian Barat
 Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

This article aims to analyze some issues that are less known to the public i.e. the origin and emergence of the Mamluks in Egypt and the incorrect application of terminologies of 'Mamluk Bahri' and 'Mamluk Burji' as used today. It also discusses the political history of the Mamluks from its establishment in 648H/1250M until its fall in 922H/1517M based on the primary and secondary sources. The main focus is given to the political abilities of some Mamluk sultans to sustain their powers. The article finds that the emergence of the Mamluk has started since the 'Abbasid period. Nevertheless, their existence and their roles began to receive serious attention in the last days of Ayyubid period especially once they succeeded in establishing the Mamluk kingdom. Two of the dominant origins in the Mamluk sultanate were 'Turkish' and 'Jarkash (Circassian).' Based on these two ethnics, the terminologies of the 'Turkish Mamluk' and 'Circassian Mamluk' should be applied as used by the Mamluk historians in their writings. In the Mamluk sultanate, the empowerment strategy of any of the sultan was a 'must' because of the power struggling among the groups in the Mamluks to usurp the throne. The sultan also needed to strengthen the economic and social stability in order to continue his rule. This included overcoming the challenges and threats from outside enemies. From a large number of the Mamluk sultans, only a few succeeded in their reigns.

Keywords: political history, Mamluk, primer and secondary sources

Abstrak

Artikel ini bertujuan menganalisis beberapa isu yang kurang diketahui umum iaitu asal usul dan kemunculan golongan Mamluk di Mesir serta ketidaktepatan penggunaan terminologi 'Mamluk Bahri' dan 'Mamluk Burji' yang digunakan pada hari ini. Selain itu, artikel ini juga menumpukan perbincangannya kepada sejarah politik Mamluk yang bermula dari penubuhannya pada 648H/1250M sehingga kejatuhannya pada 922H/1517M berdasarkan sumber-sumber primer dan sekunder. Fokus utama diberikan kepada keupayaan politik beberapa orang sultan Mamluk untuk mengekalkan kekuasaan mereka. Hasil penulisan mendapati bahawa sejarah kemunculan golongan Mamluk telah pun bermula sejak zaman kerajaan 'Abbasiyyah lagi. Walau bagaimanapun, kewujudan serta peranan mereka hanya mula mendapat perhatian serius pada akhir zaman Ayyubiyyah apabila mereka berjaya menubuhkan kerajaan Mamluk. Dua bangsa yang dominan dalam kesultanan Mamluk di Mesir ialah Turki dan Jarkash. Berasaskan kedua-dua bangsa inilah sepatutnya digunakan terminologi 'Mamluk Turki' dan 'Mamluk Jarkashi' sebagaimana yang telah digunakan oleh

*Sejarah Politik Mamluk (648-922H/1250-1517M):
Suatu Pengamatan Berdasarkan Sumber Primer dan Sekunder
Wan Kamal Mujani*

semua sejarawan Mamluk dalam penulisan mereka. Dalam kesultanan Mamluk, pengukuhan strategi bagi mana-mana sultan adalah sesuatu yang 'perlu' memandangkan perebutan kuasa yang sering kali berlaku di kalangan kumpulan-kumpulan dalam golongan Mamluk untuk merampas takhta. Sultan juga perlu mengukuhkan sektor perekonomian negara dan mengekalkan kestabilan sosial rakyat untuk meneruskan kelangsungan pemerintahannya. Ini termasuklah mendepani cabaran dan ancaman daripada musuh luar. Daripada sejumlah besar para sultan Mamluk, hanya sebilangan orang sultan sahaja yang telah mencapai kegemilangan dalam pemerintahan mereka.

Kata kunci: sejarah politik, Mamluk, sumber primer dan sekunder

Pendahuluan

Perkataan *Mamluk* berasal daripada kalimah Arab iaitu ملك yang bermaksud orang yang dimiliki atau hamba abdi dan kata jamaknya ialah *Mamalik*. Dalam hal ini, terdapat beberapa perkataan Arab lain yang merujuk kepada maksud yang hampir sama pengertiannya dengan kalimah Mamluk seperti 'Abd, Khadim dan Ghulam yang bermaksud hamba. Menurut Ibn al-'Arabi dalam *Lisan al-'Arab*, Mamluk merupakan hamba yang dimiliki oleh tuannya dan bukan dimiliki oleh ibu bapanya (Ibn Manzur 1966, 2: 383). Seorang sarjana moden, Stanley Lane-Poole (1969: 73) menambah bahawa perkataan Mamluk pada kebiasaannya merujuk kepada golongan hamba yang berkulit putih atau cerah. Golongan Mamluk ini terdiri daripada kumpulan kanak-kanak yang telah dibeli dalam usia yang masih muda dan majoriti mereka terdiri daripada orang-orang Turki, Caucasus, Kurdi atau pelbagai bangsa lain yang bahasa pertuturan mereka tidak menggunakan bahasa Arab (Marsot, 1985: 27). Secara umumnya, golongan Mamluk juga digelar sebagai 'orang yang dinaungi' kerana mereka dibesarkan dalam lingkungan dan lindungan pihak kerajaan di samping mempunyai tempat yang istimewa dalam struktur pemerintahan kerajaan-kerajaan Islam (Ibn Khaldun, 1993: 164).

Khalifah al-Mu'tasim (218-227H/833-842M) yang menggantikan Khalifah al-Ma'mun untuk menerajui kerajaan 'Abbasiyyah merupakan individu pertama yang telah memperkenalkan golongan Mamluk dan bertanggungjawab membawa mereka ke dalam sistem pentadbiran negara menerusi sistem ketenteraan. Kewujudan pasukan tentera Mamluk dalam sistem pentadbiran 'Abbasiyyah sebenarnya telah membuka era baru dalam sejarah dan sistem ketenteraan Islam. Walau bagaimanapun, pencapaian dan kejayaan mereka di Baghdad tidak diwar-warkan dan tidak diperbesarkan oleh para sejarawan kerana mungkin dipengaruhi oleh faktor dikelilingi kawasan yang didiami penduduk Islam yang menyebabkan mereka kelihatan seolah-olah tidak mempunyai kepentingan yang perlu diketengahkan (Ayalon, 1994: 23-24). Penggunaan tentera Mamluk pada mulanya tidaklah dianggap sebagai satu elemen penting dalam pasukan ketenteraan negara sehinggalah kerajaan Ayyubiyyah menaikkan taraf penggunaan mereka dalam bidang ketenteraan dan sekaligus dalam pentadbiran negara (Northrup 1998, 1: 246).

Asal Usul dan Kemunculan Golongan Mamluk di Mesir

Menurut P.M. Holt, majoriti golongan Mamluk yang dibawa ke Mesir terdiri daripada kalangan hamba yang bukan Islam, tidak mempunyai nama Arab dan kebanyakan mereka berasal daripada pelbagai bangsa seperti Turki, Caucasus (Jarkas), Kurdistan, Rom dan sesetengahnya berbangsa Eropah yang lain. David Ayalon (1994: 9) juga menyatakan bahawa golongan Mamluk di Mesir terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Turki, Kipchak (Qifjak), Tatar, Mongol, Khita'iyah, Rusia (Rus), Rom, Arman, As, Abaza, Laz dan Jarkash. Walau bagaimanapun, dua bangsa yang paling dominan ialah Turki dan Jarkash. Tambah beliau, ada segelintir kecil daripada mereka yang dilahirkan dalam keluarga Islam terutama Mamluk yang datang dari kawasan-kawasan yang didiami oleh puak Turkoman.

Majoriti golongan hamba yang berkhidmat dalam pemerintahan di Mesir diperolehi melalui pembelian daripada saudagar atau merupakan tawanan perang. Golongan hamba yang diperolehi secara pembelian, dibeli dari pasar-pasar hamba di sekitar Mesir dan Syria. Walau bagaimanapun, kebanyakan nama pasar tersebut tidak terdapat dalam catatan sejarah secara rasmi dan terperinci. Kewujudan pasar-pasar tersebut hanyalah diketahui berdasarkan catatan biografi oleh pengarang tertentu seperti yang dilaporkan oleh Ibn Taghri Birdi (w.874H/1470M). al-Zahir Baybars al-Bunduqdari (w.676H/1277M) sebagai contoh, mengikut catatan perjalanannya ketika sebagai hamba, beliau pernah dibawa ke pasar hamba yang terdapat di Hamah, Damsyik, Halab dan Kaherah untuk dijual di situ (Ibn Wasil 1975, 5: 404; al-Kutubi 1974, 1: 235). Manakala al-Zahir Barquq (w.801H/1399M) pula telah dibeli dari pasar yang terdapat di Mesir oleh seorang pegawai tentera Bahri (Ibn Taghri Birdi 1992, 11: 183). Walaupun hal ini tidak disebut secara terperinci dan jelas, tetapi ia menunjukkan terdapatnya beberapa buah tempat yang mempunyai pasar-pasar hamba. Selain itu, terdapat juga beberapa buah pusat penjualan hamba berkulit hitam atau berbangsa Afrika yang terletak di Mesir dan Afrika Utara. Antara pasar utama lain untuk penjualan hamba-hamba berbangsa Eropah ialah seperti di Samarqand dan Bukhara. (Mez, 1973: 157; Lombard, 1975: 198).

Golongan Mamluk di Mesir telah dibeli oleh para pemerintah kerajaan dengan menggunakan wang perbendaharaan negara dan tujuan utama pembelian kumpulan tersebut ialah untuk dijadikan tentera bagi mempertahankan negara yang sering kali terlibat dalam peperangan dengan kuasa asing selain menjaga keamanan dan keadaan dalam negara. Namun, di sebalik itu, tugas mereka yang paling utama ialah menjadi tentera peribadi (personal army) kepada sultan yang memerintah dan menjaga kedudukan serta keselamatannya jika berlaku sebarang pemberontakan. Sebelum diserap masuk ke dalam pasukan tentera negara, mereka ditempatkan di kawasan perlindungan yang disediakan seperti berek-berek atau sekolah-sekolah tentera. Mereka diberi pelbagai latihan ketenteraan yang meliputi seni mempertahankan diri dalam peperangan, seni kemahiran menunggang kuda serta latihan menggunakan pedang dan tombak. Di samping itu, mereka juga diajar menggunakan bahasa Arab sebagai alat pertuturan bagi menggantikan bahasa ibunda mereka (Marsot, 1985: 27).

Pemimpin kerajaan Ayyubiyyah yang ketujuh iaitu Sultan Salih Najm al-Din Ayyub (645-647H/1247-1249M) merupakan individu yang bertanggungjawab mengasaskan pasukan askar Mamluk Bahri dan menyerapkan mereka ke dalam sistem ketenteraan di Mesir. Beliau telah membeli sejumlah besar hamba khususnya yang berketurunan Kipchak untuk diserapkan ke dalam pasukan tentera kerajaan Ayyubiyyah di Mesir. Pembelian tersebut terpaksa dilakukan berikutan bilangan tentera kerajaan Ayyubiyyah pada ketika itu yang semakin berkurangan akibat pertempuran yang kerap kali berlaku di antara Mesir dan tentera Kristian dalam Perang Salib dan juga disebabkan serangan wabak taun yang telah mengorbankan ramai askar Mesir. Dalam masa yang sama, penambahan tentera turut diperlukan kerana negara itu juga sedang menghadapi ancaman kemaraan tentera Mongol dari Baghdad. Satu lagi faktor yang tidak dapat dinafikan kepentingannya ialah Sultan Salih

Najm al-Din Ayyub sendiri yang merasakan bahawa kedudukan politik beliau perlu sentiasa dimantapkan untuk mengelakkannya daripada disaingi oleh mana-mana amir lain yang cuba merampas takhta. Golongan ini dikenali sebagai tentera atau pasukan Bahri kerana mereka telah ditempatkan di sebuah pusat atau kem latihan tentera yang khas dibina di Pulau al-Rawdah di Sungai Nil. Di samping itu, mereka juga dikenali sebagai *Mamluk Salihyyah* yang dinisbahkan kepada Sultan Salih Najm al-Din Ayyub (Northrup 1998, 1: 247).

Sultan Salih Najm al-Din Ayyub telah mengambil peluang membeli golongan hamba tersebut dalam jumlah yang besar berikutan kewujudan banyak pasar-pasar hamba yang dilimpahi dengan kehadiran hamba-hamba berketurunan Kipchak. Sebilangan daripada hamba tersebut adalah anak-anak penduduk Kipchak yang terpaksa dijual oleh ibu bapa mereka sendiri bagi mendapatkan wang kerana desakan hidup seperti untuk membayar cukai yang tinggi kepada pihak pemerintah Kipchak iaitu Mongol. Di samping itu, ada juga segelintir di kalangan hamba tersebut yang merupakan anak-anak orang Mongol sendiri yang telah diculik oleh penduduk tempatan Kipchack dan kemudiannya dijual kepada pedagang-pedagang hamba kerana tidak berpuas hati dengan kezaliman yang dilakukan oleh tentera Mongol. Berikutan bekalan hamba yang mudah dan murah di Kipchak, maka wilayah tersebut pada ketika itu dikenali sebagai 'sumber utama' yang dapat menyediakan kekuatan ketenteraan di wilayah-wilayah Islam terutamanya kesultanan Mamluk di Mesir (Ayalon, 1994: 3-4).

Menurut Ali Ibrahim Hasan (1954: 330), Kipchak ialah sebuah wilayah yang diperintah oleh keturunan Mongol Jujie b. Janghiz Khan dan ia merangkumi kawasan luas yang terletak di bahagian selatan Rusia. Hubungan antara wilayah ini dan kerajaan Mesir mula terjalin berikutan berlakunya perkahwinan di antara pemerintah Mesir dan anak pemerintah Kipchak. Hubungan ini kemudiannya telah memudahkan proses pembelian hamba daripada keturunan Turki-Kipchak oleh pemerintah Mamluk di Mesir dan daripada keturunan hamba inilah munculnya golongan Mamluk yang dikenali sebagai "Hamba Turki Kipchak." Majoriti golongan Mamluk Bahri yang memainkan peranan penting dalam bidang ketenteraan di Mesir adalah terdiri daripada bangsa Kipchak ini. Sebenarnya, pertambahan bilangan hamba yang dijual di pasar-pasar hamba terutama yang berbangsa Kipchak adalah disebabkan serangan yang dilakukan oleh Mongol ke atas negara mereka pada 639H/1241-1242M dan keadaan ini memaksa sebahagian daripada penduduk Kipchak berpindah meninggalkan wilayah mereka lalu menuju ke arah Syria. Mereka dilaporkan telah menyeberangi Sungai Sawdaq dan tinggal di lembah yang berhampiran. Ketika berada di kawasan itulah mereka telah diserang serta ditangkap dan seterusnya dijadikan hamba lalu dijual di pasar-pasar hamba (Khowaiter, 1978: 7). Clifford E. Bosworth (1967: 65) juga mempunyai pandangan sama dengan menyatakan bahawa majoriti golongan Mamluk Bahri adalah berasal dari selatan Rusia, berketurunan Kipchak dan sebilangan daripadanya adalah hasil perkahwinan campur di antara masyarakat Kipchak dengan Mongol dan Kurdi.

Ketidaktepatan Penggunaan Terminologi ‘Mamluk Bahri’ dan ‘Mamluk Burji’

Golongan Mamluk yang memerintah Mesir selepas kejatuhan kerajaan Ayyubiyah terdiri daripada dua kumpulan tentera iaitu Bahri dan Burji. Kewujudan dua kelompok tentera ini telah disepakati oleh kesemua sejarawan silam dan sarjana moden seperti Ibn Taghri Birdi, Ibn Iyas (w.930H/1524M), Sir Henry William Muir dan ‘Ali Ibrahim Hasan. Walau bagaimanapun, terdapat pertikaian mengenai ketepatan dalam penggunaan terminologi Bahri dan Burji untuk disandarkan kepada perkataan ‘Mamluk’ dan ‘Mamalik.’ Mengikut pandangan David Ayalon (1994: 3-24), berdasarkan kajian mendalam yang dilakukannya, kedua-dua perkataan Bahri dan Burji adalah tidak tepat untuk disandarkan (dijadikan *Sifat* atau *Mudaf ilaih*) kepada kalimah Mamluk dan Mamalik kerana tiada sumber-sumber awal yang menggunakan kedua-dua perkataan tersebut dalam bentuk sedemikian. Beliau seolah-olah tidak menyetujui penggunaan seperti *Mamluk Bahri*, *Mamluk Burji*, *al-Mamalik al-Bahriyyah* dan *al-Mamalik al-Burjiyyah*, tetapi yang sepatutnya ialah *Mamluk Turki*, *Mamluk Jarkashi*, *al-Mamalik al-Atrak* dan *al-Mamalik al-Jarakishah*. Ini kerana perkataan Mamluk dan Mamalik itu mestilah disandarkan kepada bangsanya iaitu Turki atau Jarkashi (Turkish Mamluk/Circassian Mamluk) dan bukannya kem latihan atau berek tentera di mana mereka mereka ditempatkan iaitu di kawasan Bahr, Pulau Rawdah dan Buruj (Bahri Mamluk/Burji Mamluk).

Dalam hal ini, David Ayalon telah merujuk kepada semua karya yang ditulis oleh sejarawan Mamluk seperti Ibn al-‘Amid (w.672H/1274M), al-Yunini (w.726H/1326M), al-Nuwayri (w.733H/1333M), Ibn al-Dawadari (wafat selepas 736H/1335M), al-Mufaddal b. Abi al-Fada’il (wafat selepas 749H/1348M), Ibn Habib (w.779H/1377M), Ibn al-Furat (w.807H/1405M), Ibn Khladun (w.808H/1406M), Ibn Duqmaq (w.809H/1407M), Ibn Qadi Shuhbah (w.851H/1447M), Ibn Tagri Birdi, Ibn Iyas dan lain-lain. Kesemua para sejarawan ini telah menggunakan perkataan seperti *al-Mamalik al-Atrak*, *al-Mamalik al-Turkiyyah*, *al-Mamalik al-Jarakishah* dan *al-Mamalik al-Jarkashiyyah*. Di samping itu, apabila mereka menulis tentang kerajaan dan sultan Mamluk, mereka juga merujuk kepada bangsa tersebut seperti *Dawlat al-Turk*, *al-Dawlah al-Turkiyyah*, *Dawlat al-Atrak*, *Mulk al-Turk*, *Muluk al-Turk/al-Atrak*, *al-Dawlah al-Jarkashiyyah*, *Dawlah al-Jarakishah* dan *Muluk al-Jarkash/al-Jarakishah*.

Menurut David Ayalon (1994: 3-24), hanya al-Maqrizi (w.845H/1442M) sahaja yang telah menggunakan perkataan Bahri “secara tersilap” dalam *Kitab al-Khitat* pada tajuk *Dhikr Dawlat al-Mamalik Bahriyyah* ketika merujuk kepada era pertama kerajaan Mamluk. Beliau menjelaskan, sepatutnya al-Maqrizi menyebut *Dhikr Dawlat al-Mamalik al-Atrak*, namun ini akhirnya telah menyebabkan penggunaan *al-Mamalik Bahriyyah/Burjiyyah* diikuti oleh majoriti penulis moden kini. Bukti kesilapan al-Maqrizi ialah ketika membicarakan era kedua kerajaan Mamluk, beliau menggunakan tajuk *Dhikr Dawlat al-Mamalik al-Jarakishah* dan tidak ditemui apa-apa jua penggunaan perkataan Burji yang merujuk kepada kerajaan golongan Mamluk ini seperti *Dawlat al-Burjiyyah* atau *Dawlat al-Mamalik al-Burjiyyah*. Selain penggunaan di atas (iaitu *Dhikr Dawlat al-Mamalik Bahriyyah*), tidak ditemui dalam

penulisan al-Maqrizi sebarang penggunaan perkataan Bahri yang lain bagi merujuk kepada era pertama kerajaan Mamluk. Di samping itu, tulisan al-Yunini dalam *Dhayl Mir'at al-Zaman* ketika membincangkan biografi Sayf al-Din Balaban al-Zayni al-Salihi al-Najmi (w.677H/1278M) iaitu '*kāna fī awwal dawlat al-Turk bi al-diyār al-Misriyyah muqaddam al-Bahriyyah*' jelas menunjukkan bahawa sejarawan awal tidak terkeliru dalam penggunaan dan maksud kalimah-kalimah ini.

Secara umumnya, penggunaan kalimah Bahri dan Burji sebagai sandaran kepada Mamluk/Mamalik dan kerajaan Mamluk telah menjadi kebiasaan dalam tulisan buku-buku sejarah sejak penulisan moden mengenai Mamluk dibuat sehinggalah ke hari ini, meskipun yang sepatutnya digunakan ialah Mamluk Turki/Jarkashi (Turkish Mamluk/Circassian Mamluk) dan kerajaan Mamluk Turki/Jarkashi (the reign of Turkish Mamluk/Circassian Mamluk). Dalam hal ini, pengkaji bersetuju dengan pendapat David Ayalon berdasarkan hujah-hujah mantap yang dinyatakannya, namun untuk tidak menggunakan perkataan Bahri atau Burji sebagai sandaran kepada Mamluk/Mamalik dan kerajaan Mamluk (seperti Mamluk Bahri/Burji dan kerajaan Mamluk Bahri/Burji) adalah nampak janggal dan sukar kerana ia telah diterima pakai oleh umum dengan begitu meluas pada hari ini.

Sejarah Politik Mamluk Bahri (Turki) (648-792H/1250-1390M)

Sultan Salih Najm al-Din Ayyub meninggal dunia pada 646H/1249M ketika beliau sibuk menyiapkan pasukan tentera Mesir untuk memerangi tentera Salib yang sedang aktif melancarkan serangan ke atas wilayah-wilayah Islam. Sementara itu, pengganti takhta kerajaan iaitu Turan Shah masih berada di Hisn Kaifa sebagai gabenor di situ (al-Maqrizi 1970, 1: 339-358). Peristiwa kemangkatan Sultan Salih Najm al-Din Ayyub serta ketiadaan anak beliau sebagai waris takhta pada ketika itu, telah memberi ruang buat sementara waktu kepada balu Sultan Salih Najm al-Din Ayyub iaitu Shajar al-Dur yang berketurunan hamba Turki, menaiki takhta dan menerajui pemerintahan di Mesir tanpa pengetahuan rakyat. Adalah dilaporkan bahawa tindakan yang diambil oleh Shajar al-Dur ialah untuk meneruskan kelangsungan perjalanan pentadbiran negara dan juga bertujuan menyelamatkan Mesir daripada serangan tentera Salib yang dipimpin oleh Raja Louis IX serta menunggu kepulangan Turan Shah untuk ditabalkan menjadi pemerintah Mesir yang sah (Hitti 1970: 655).

Walau bagaimanapun, pelantikan Turan Shah sebagai pemerintah tidak disenangi oleh golongan Mamluk di Mesir kerana pelaksanaan polisi pentadbirannya yang menindas golongan Mamluk Salihiyah dan memberi keistimewaan kepada anggota Mamluknya sendiri. Akhirnya beliau dibunuh pada akhir Muharam 648 Hijrah/Mei 1250 Masihi oleh sekumpulan tentera Bahri yang diketuai oleh al-Zahir Baybars dan tempatnya sekali lagi diganti oleh Shajar al-Dur yang mendapat sokongan penuh daripada golongan Mamluk Salihiyah (Khowaiter, 1978: 10). Namun, pelantikan tersebut telah menimbulkan kontroversi di kalangan masyarakat Islam dan ia tidak dipersetujui oleh Khalifah al-Musta'sim Billah (640-656H/1242-1258M) di Baghdad kerana bertentangan dengan prinsip kepimpinan dalam Islam (Surur, 1960: 29). Untuk mengatasi masalah tersebut selain

daripada memantapkan lagi kuasa politiknya, Shajar al-Dur mengambil inisiatif berkahwin dengan ketua tentera Mamluk iaitu al-Mu'iz al-Din Aybak al-Turkumani yang berjawatan *Atabak 'Asakir pada* ketika itu. Tindakan ini secara tidak langsung telah menjadikan al-Mu'iz al-Din Aybak sebagai sultan Mamluk yang memerintah Mesir pada Rabiulawal-Rabiulakhir 647H/Julai 1250M (Northrup 1998, 1: 250).

Pada awal pemerintahan, al-Mu'iz al-Din Aybak telah mendapat tentangan daripada kerajaan Ayyubiyyah di Syria dan untuk menenangkan suasana, beliau melantik seorang putera yang masih muda daripada kalangan keluarga keturunan Ayyubiyah iaitu Putera Mahkota al-Ashraf Musa sebagai sultan. al-Ashraf Musa adalah cucu kepada Sultan al-Kamil Muhammad (616-636H/1218-1238M) dan merupakan anak kepada Sultan al-'Adil (636-638H/1238-1240M). Pelantikan tersebut dilaporkan berlaku pada Jamadilawal 648M/Jun 1250M (Khowaiter, 1978: 11). Selanjutnya, al-Mu'iz al-Din Aybak mengambil langkah memperkemaskan lagi kuasa politiknya melalui perkahwinan keduanya dengan ahli keluarga keturunan Ayyubiyyah. Walau bagaimanapun, hal ini akhirnya telah mengundang kepada peristiwa pembunuhan beliau oleh Shajar al-Dur pada 655H/1257M (Muir 1963: 9). Buat seketika, takhta kerajaan telah beralih kepada anak al-Mu'iz al-Din Aybak iaitu al-Mansur 'Ali. Namun, pemerintahannya juga tidak bertahan lama kerana dirampas pula oleh Muzaffar Sayf al-Din Qutuz. Beliau telah mengisytiharkan dirinya sebagai sultan pada 14 Zulkaedah 657H/1 November 1259M selepas membunuh beberapa orang pembesar kerajaan yang menyokong al-Mansur 'Ali (al-Maqrizi 1970, 1: 417).

Dalam era pemerintahan Sultan Muzaffar Sayf al-Din Qutuz (657-658H/1259-1260M), satu peristiwa penting telah berlaku dalam sejarah dunia Islam apabila tentera Mamluk di bawah pimpinannya berjaya mengalahkan tentera Mongol dalam peperangan di 'Ayn Jalut pada 648H/1260M (Muir, 1973: 10-11). 'Ayn Jalut merupakan sebuah kawasan perkampungan yang terletak antara Baysan dan Nabulus di Sham, Palestin, manakala di sebelah timurnya terletak sebuah lembah yang dikenali Lembah Jalut. Kemenangan tersebut begitu besar ertinya kerana ia telah mewujudkan satu sempadan kepada perluasan kuasa tentera Mongol dan dalam masa yang sama membebaskan Syria daripada kekuasaan Mongol. Walau bagaimanapun, keriangian yang dibawa pulang oleh Sultan Muzaffar Sayf al-Din Qutuz tidak kekal lama kerana semasa perjalanan balik ke Mesir dari 'Ayn Jalut melalui Syria, beliau telah dibunuh oleh al-Zahir Rukn al-Din Baybars pada 16 Zulkaedah 658H/24 Oktober 1260M. Peristiwa tersebut berlaku berikutan sikap Sultan Muzaffar Sayf al-Din Qutuz yang dikatakan melupakan janjinya untuk memberikan wilayah Halab kepada al-Zahir Baybars selepas kejayaan di 'Ayn Jalut dan terbongkarnya komplot yang telah diatur oleh Sultan Muzaffar Sayf al-Din Qutuz untuk membunuh al-Zahir Baybars (Hitti, 1970: 674). Kesempatan telah diambil oleh al-Zahir Baybars untuk membunuh Sultan Muzaffar Sayf al-Din Qutuz ketika beliau keluar memburu semasa berehat dalam perjalanan pulang ke Kaherah. Namun begitu, agak janggal kerana peristiwa pembunuhan tersebut tidak mendapat reaksi negatif mahupun tentangan daripada kalangan tentera Bahri, malah al-Zahir Baybars telah diperakui sebagai pengganti takhta yang telah ditinggalkan oleh Sultan Qutuz. Menurut Abu al-Fida' b. Kathir, pelantikan al-Zahir Baybars sebagai sultan Mesir dan Syria selepas pembunuhan tersebut adalah berdasarkan kepada undang-undang Turki yang menetapkan

bahawa sesiapa yang membunuh seseorang sultan maka ia akan dilantik menjadi sultan yang baru (Khiriah, 2004: 10-11)

al-Zahir Rukn al-Din Baybars al-Bunduqdari yang berbangsa Kipchak telah menduduki takhta kerajaan Mamluk pada 658/1260H hingga 675H/1277. Ahli sejarah bersependapat menyatakan bahawa beliau merupakan ‘penegak’ kekuasaan kesultanan Mamluk di Mesir. Pemerintahannya telah menyaksikan keupayaan beliau untuk berhadapan dengan pelbagai ancaman, antaranya ialah serangan pihak Mongol. Walaupun puak tersebut telah ditumpaskan di Syria, namun mereka tetap berkuasa di Iraq, al-Jazirah dan lain-lain wilayah utama di Timur Tengah. Bagi memantapkan kedudukan politiknya, al-Zahir Baybars telah menyusun semula pentadbiran dan memperkemaskan lagi struktur sistem ketenteraan Mamluk disusuli dengan strateginya menyerang kapal-kapal laut Mongol di perairan Anatolia (Asia Kecil) termasuklah pasukan tentera Salib di sepanjang pantai Laut Mediterranean. Sultan al-Zahir Baybars juga berusaha untuk memperluaskan lagi kekuasaan Mamluk di Syria, selatan Mesir dan barat Libya. Selain menggunakan cara peperangan dalam perluasan kuasa, al-Zahir Baybars turut menjalinkan hubungan diplomatik dengan pihak-pihak yang tidak membahayakan kedaulatannya menerusi perjanjian dengan Constantinople, Mongol Golden Horde dan juga pemerintah di Pulau Sicily (Poole, 1971: 205).

Antara peranan utama yang dimainkan oleh al-Zahir Baybars dalam pemerintahannya ialah menghidupkan semula sistem Khilafah dengan membaiah dan melantik Abu al-Qasim Ahmad b. Muhammad sebagai Khalifah ‘Abbasiyyah yang pertama di Kaherah pada 13 Rejab 659/13 Jun 1261 dengan gelaran al-Mustansir (Abu Shamah, 1947: 213; al-Safadi 1969, 7: 384-386). Peristiwa ini berlangsung setelah dunia Islam tidak mempunyai khalifah selama hampir tiga tahun setengah selepas khalifah ‘Abbasiyyah yang terakhir di Baghdad iaitu al-Mustasim Billah al-‘Abbasi dibunuh oleh tentera Mongol (al-Safadi 1972, 6: 217-218). al-Zahir Baybars telah menghantar surat pengisytiharan pelantikan tersebut kepada seluruh wilayah Islam di bawah naungan Mamluk meminta agar nama Khalifah al-Mustansir dibaca di dalam khutbah Jumaat, di samping dicetak pada mata wang (Lewis 1970: 216). Meskipun buku-buku sejarah mencatatkan bahawa pelantikan khalifah tersebut hanyalah sebagai ‘boneka’ dan untuk berfungsi sebagai ketua agama sahaja kerana kuasa mutlak masih berada dalam genggamannya al-Zahir Baybars, namun sekurang-kurangnya dunia Islam pada ketika kembali semula berada di bawah satu panji iaitu kerajaan Mamluk yang berpusat di Kaherah.

Pewujudan sistem khilafah ini juga secara tidak langsung telah ‘mengesahkan’ kekuasaan politik al-Zahir Baybars. Beliau menyedari bahawa kedudukannya boleh diperkuatkan dan dimantapkan dengan menerima ‘pengesahan’ atau ‘watikah’ daripada Khalifah yang dilantik yang secara tidak langsung akan menaikkan imejnya di dalam dan luar negara (Khowaiter, 1978: 28-34). Ini adalah selari dengan amalan atau tradisi ketika itu iaitu “seseorang itu tidak layak untuk mengisytiharkan dirinya sebagai sultan tanpa menerima pengesahan dari tangan Khalifah itu sendiri dan sekiranya ia (sultan) melantik seseorang kadi maka keputusan atau fatwa yang dikeluarkan oleh kadi tersebut juga adalah tidak sah sehinggalah sultan itu mendapat pengesahan daripada Khalifah.” (Ibn Shahin al-

Zahiri, 1894: 89). Di samping itu, Sultan al-Zahir Baybars merasakan bahawa adalah perlu dinaikkan reputasi kerajaan Mamluk bagi melonjakkan kekuasaan serta martabatnya dan dari situ ia akan mempunyai perbezaannya yang tersendiri berbanding kerajaan-kerajaan Islam lain yang tidak mempunyai khalifah (Irwin, 1986: 44).

Usaha meneruskan semula sistem Khilafah tersebut dilaporkan telah diterima oleh beberapa pemimpin Islam seperti Abu Numay yang menyandang jawatan *Sharif* kota Mekah dan Madinah, Sultan Nasir al-Din Mahmud Shah (644-664H/1246-1266M) yang memerintah kerajaan Islam kesultanan Delhi di bahagian utara India dan Berke Khan yang memerintah kerajaan Mongol Gorden Horde pada 655-665H/1257-1267M (Mahayudin 1988, 1: 263-264; Lewis 1970: 216; Spuler 1969, 1: 59). Bagi melicinkan urusan pentadbiran keagamaan, Sultan al-Zahir Baybars turut menjadi sultan pertama di Mesir yang menghimpunkan empat orang kadi yang mewakili empat mazhab di Mesir. Beliau juga telah menjadikan perhubungan laut dan komunikasi darat semakin lancar dengan menggali beberapa buah terusan, membina pelabuhan dan menghubungkan Kaherah dan Damsyik melalui sistem pos yang pantas. Sistem pos ini hanya mengambil masa selama empat hari sahaja dengan menggunakan beberapa ekor kuda dan burung merpati (Hitti, 1970: 675). Pada sepanjang pemerintahannya, al-Zahir Baybars telah menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja seorang pemerintah yang berkebolehan menguruskan negara, malah berkemampuan mengetuai pasukan tentera dalam memerangi tentera Salib dan meluaskan empayar pemerintahan Mamluk.

al-Zahir Baybars turut memberi perhatian serius kepada sektor pertanian yang menjadi nadi ekonomi Mesir. Oleh itu, beberapa buah terusan telah dibina dan dibaik pulih untuk mengairi kawasan tanaman bagi meningkatkan hasil pertanian. Selain pertanian, *aktiviti* perindustrian juga aktif dijalankan. Bersesuaian dengan suasana zaman al-Zahir Baybars, maka bidang perindustrian ketika itu banyak tertumpu kepada pembuatan alat-alat perang seperti baju besi, senjata dan lain-lain. Di samping itu, terdapat kilang yang menghasilkan tekstile dan gula di Tinnis dan Damietta untuk kegunaan dalam negara mahupun dieksport keluar negeri. Sektor perekonomian yang maju inilah telah membolehkan al-Zahir Baybars memiliki kewangan yang cukup untuk mempertahankan Mesir daripada dicerobohi tentera Salib dan dalam masa yang sama melancarkan serangan terhadap mereka (Surur, 1960: 104). Dalam pada itu, bagi mengukuhkan kedudukan dalamannya di Mesir, al-Zahir Baybars telah membeli lebih ramai lagi golongan Mamluk baru khusus untuk berkhidmat dengannya yang kemudiannya dinamakan *Mamluk al-Zahiri*. Dengan adanya kumpulan Mamluk beliau sendiri, maka sedikit demi sedikit pengaruh *Mamluk Salihyyah* dapat dikurangkan (Irwin, 1986: 55).

al-Zahir Baybars meninggal dunia di Syria pada 676M/1277H setelah memerintah selama 17 tahun. Sejak itu, tiada pengganti yang dapat menyaingi kewibawaan beliau sehinggalah muncul seorang pemimpin bernama Mansur Sayf al-Din Qalawun yang menaiki takhta kerajaan Mamluk pada 678H/1280M dan mentadbir Mesir berdasarkan polisi-polisi yang pernah dilaksanakan oleh al-Zahir Baybars. Hakikatnya, kedua-dua pemerintah tersebut iaitu Sultan al-Zahir Baybars dan Sultan Qalawun berada dalam satu kelompok yang sama

iaitu *Mamluk Salihyyah* yang berketurunan Kipchak dan mempunyai pengalaman yang sama dalam bidang ketenteraan sebelum menaiki takhta kesultanan Mamluk di Mesir. Sultan Qalawun merupakan sultan terakhir yang berasal daripada golongan hamba yang pernah berkhidmat di bawah Sultan Salih Ayyub (Kamaruzaman, 1988: 27).

Sepanjang pemerintahannya, Sultan Qalawun telah berhadapan dengan pelbagai cabaran politik, antaranya ialah pemberontakan *Amir Sunqur al-Ashqar di Syria yang mengisytiharkan dirinya sebagai sultan*. Tindakan pengisytiharan tersebut dilihat sebagai satu halangan besar dalam pemerintahan Sultan Qalawun. Terdahulu dari itu, *Amir Sunqur* merupakan salah seorang Mamluk yang pernah berkhidmat dengan al-Zahir Baybars dan beliau kemudiannya telah bangkit menentang dengan menghantar surat kepada kerajaan Mongol untuk berpakat melancarkan pemberontakan terhadap Sultan Qalawun (Glubb 1973: 169). Walau bagaimanapun, rancangan tersebut akhirnya dapat dipatahkan oleh Sultan Qalawun. Dalam eranya juga, Sultan Qalawun berhadapan dengan saki baki pihak Kristian dan beliau telah memerangi tentera Salib yang cuba menakluki kawasan utara Syria. Dalam pada itu, beliau turut melaksanakan polisi menghadkan peluang dan ruang pekerjaan kepada golongan *Dhimmi* dalam jabatan-jabatan kerajaan (Muir 1973: 37-38). Pada 679H/1281M, Sultan Qalawun sekali lagi melancarkan serangan mempertahankan kawasan Syria daripada kemaraan Mongol di Hims (Sykes, 1969: 103). Tentera Mongol pada ketika itu berada di bawah pimpinan Mankutimur yang merupakan saudara kepada pemerintah kerajaan Mongol Ilkhan iaitu Abaqa. Hakikatnya, peperangan di Hims memperlihatkan gabungan kuasa Mongol dan tentera Salib yang mempunyai matlamat yang satu untuk menjatuhkan kuasa Mamluk di Mesir. Meskipun demikian, kemenangan dalam peperangan tersebut tersebut telah berpihak pada tentera Mamluk (Iskandar & Hasan, 1961: 278).

Selepas kematian Mängkutimur dan Abaqa, pengganti kerajaan Mongol Ilkhan yang baru ialah Ahmad Teguder atau Takudar (680-683H/1282-1285M). Setelah memeluk Islam, Ahmad Takudar lebih berminat dalam hal-hal kesufian serta peribadatan dan dengan itu, beliau mempunyai pandangan yang berbeza terhadap kerajaan Mamluk jika dibandingkan dengan pemerintah Mongol sebelum itu. Ahmad Takudar lebih berminat untuk menjalin hubungan persahabatan dengan kerajaan Mamluk, namun, tindakannya itu tidak dipersetujui oleh majoriti pembesar Mongol kerana kebanyakan orang Mongol pada masa tersebut masih belum ramai yang memeluk Islam. Akibatnya, Ahmad Takudar digulingkan daripada takhta pemerintahan Mongol dalam satu pemberontakan yang berlaku pada 683H/1285M dan takhta kerajaan kemudiannya telah diambil alih oleh pemimpin baru iaitu Arghun (683-690H/1284-1291M). Beliau yang merupakan anak sulung Abaqa Khan dan saudara kepada Ahmad Takudar telah disifatkan sebagai pemimpin yang mewakili golongan aristokrat Mongol yang beragama Buddha dan seperti ayahnya, beliau banyak memberi keistimewaan kepada agama serta penganut Buddha dalam pemerintahan. Lantaran itu, Arghun tidak berminat untuk meneruskan hubungan baik yang dijalinan oleh Ahmad Takudar dengan kerajaan Mamluk di Mesir. Beliau dilaporkan mengambil polisi bukan sahaja memusuhi Mamluk, malah kerajaan-kerajaan Islam yang lain sebagaimana yang sering dilakukan oleh keturunannya sebelum itu. Arghun juga dilaporkan pernah membuat pakatan dengan tentera Salib untuk memerangi kerajaan Mamluk di Mesir (Spuler 1969, 2: 30-37).

Untuk mengatasi ancaman pihak Mongol yang sentiasa menggugat keamanan Mesir, Sultan Qalawun terpaksa mencari jalan untuk meredakan dan mengimbangi serangan pihak Mongol. Antaranya, beliau telah mengambil usaha melaksanakan gencatan senjata dengan pihak Kristian dan menjalinkan hubungan diplomatik dengan beberapa negara Kristian. Ini termasuklah memeterai hubungan diplomatik dengan kerajaan Mongol Golden Horde semasa pemerintahan Baraka Khan. Sultan Qalawun telah melaksanakan pertukaran duta dengan Byzantine, menandatangani perjanjian dengan beberapa kuasa Eropah seperti Genoa, Castile dan Sicily. Keadaan ini secara tidak langsung telah mengukuhkan kekuasaan politik beliau di Syria dan menggalakkan lagi aktiviti perdagangan yang wujud di antara Mamluk dengan pihak-pihak tersebut. Di Mesir pula, untuk kestabilan sosial rakyat, Sultan Qalawun telah membangunkan pelbagai kemudahan infrastruktur pada zaman pemerintahannya seperti membina sebuah hospital yang dikenali sebagai *al-Bimaristan al-Mansuri* di Kaherah. Ia didirikan pada 682H/1284M dan merupakan rumah sakit yang terancang pada zaman pemerintahan Mamluk di Mesir. Hospital tersebut menyediakan pelbagai prasarana merangkumi pendidikan dan perubatan seperti pelbagai jenis wad untuk rawatan penyakit yang berlainan, bilik untuk belajar ilmu perubatan, makmal, dapur dan sebagainya. Rawatan yang diberikan adalah percuma untuk rakyat tidak kira sama ada daripada kalangan berada ataupun miskin. Hospital tersebut didirikan bersambung dengan binaan bangunan masjid, sekolah dan makam diraja (Hitti, 1970: 678; Poole 1971: 283-284).

Pemerintahan selepas era al-Zahir Baybars yang bermula dari 677H/1279M hingga 783H/1382M memperlihatkan takhta Mamluk di Mesir didominasi oleh Sultan Qalawun dan keturunannya. Ini kerana keturunan beliau berjaya mengekalkan kekuasaan pemerintahan mereka sebanyak empat generasi. Antara sultan yang memerintah selepas kemangkatan Sultan Qalawun pada 689H/1290M ialah al-Ashraf Khalil (689-693H/1290-1293M) dan al-Nasir Muhammad (692-741H/1293-1340M) (Poole, 1968: 284). Walau bagaimanapun, hanya Sultan al-Nasir Muhammad b. Qalawun sahaja yang paling menonjol dalam pelbagai polisi dan dasar pemerintahan bersesuaian dengan era pemerintahannya yang panjang banding para pemerintah Mamluk lain di Mesir.

Sultan al-Nasir Muhammad merupakan pemimpin Mamluk yang paling lama memerintah iaitu lebih kurang 43 tahun. Beliau telah menggantikan saudaranya, al-Ashraf Khalil b. Qalawun pada 693H/1293M. Pemerintahan beliau boleh dikatakan unik kerana berlangsung sebanyak tiga kali iaitu pada 692-693H/1293-1294M, 697-707H/1298-1308M dan 708-741H/1309-1340M (Hitti, 1970: 679). Hal ini berlaku berikutan pemberontakan dan rampasan kuasa yang berlaku di kalangan kumpulan-kumpulan Mamluk untuk merebut takhta. Pemerintahan Sultan al-Nasir Muhammad kali pertama ialah pada 692-693H/1293-1294M ketika beliau berusia lapan tahun. Dalam usia yang masih terlalu muda, rampasan kuasa telah dilancarkan oleh kumpulan Mamluk yang lebih dominan yang diketuai oleh Kitbugha al-Mansuri. Beliau yang berjawatan *Na'ib al-Sultaniyyah (Wakil Sultan)* telah mengambil alih pemerintah pada Muharram 694H/Disember 1294M. Sultan al-Nasir Muhammad kemudiannya memerintah untuk kali kedua dalam usia 14 tahun pada 697H/1298M selepas al-Malik al-Mansur Lajin meninggal dunia. Kitbugha al-Mansuri dan al-Malik al-Mansur Lajin adalah daripada kumpulan Mamluk lain yang pernah berkhidmat di

bawah pemerintahan Sultan Salih dan al-Malik al-Mansur Ali dan kemudiannya mereka berkhidmat pula dengan Sultan Qalawun. Takhta pemerintahan Sultan al-Nasir Muhammad sekali lagi dirampas pada 707H/1308M melalui pemberontakan yang dilancarkan oleh dua orang *Amir Mamluk* iaitu Baybars al-Janshankir dan Salar al-Mansur. Baybars al-Janshankir adalah daripada kelompok Mamluk Jarkashi yang dibeli oleh Sultan Qalawun dan beliau mendapat sokongan daripada kelompok tersebut untuk merampas takhta kerajaan dan menjadi pemerintah kerajaan Mesir. Walau bagaimanapun, Sultan al-Nasir Muhammad berjaya mendapatkan kembali takhtanya pada 708H/1309M dan memerintah sehinggalah pada 741H/1340M (Glubb, 1973: 159-225).

Untuk menstabilkan pemerintahan, Sultan al-Nasir Muhammad telah menggerakkan ekspedisi ketenteraan untuk berhadapan dengan kuasa Mongol yang menyerang kepentingan kerajaan Mamluk pada Rabiulawal 699H/Disember 1299M di Wadi al-Khazindar di Syria dan di Shaqhab pada Ramadan 702H/April 1303M. Bagaimanapun, berikutan kematian pemimpin Mongol Ghazan pada 703H/1304M, tentera Mongol telah menghentikan ancaman serangan mereka terhadap kerajaan Mamluk. Selanjutnya, pada pada Muharram 702H/September 1302M, Sultan al-Nasir Muhammad berjaya pula menawan pulau Rhodes yang merupakan pusat latihan tentera Salib. Kejayaan tersebut menyebabkan beberapa kawasan di wilayah Palestin dan Syria terlepas daripada ancaman serangan tentera Eropah. Walaupun ancaman Mongol dan tentera Salib agak reda, namun Sultan al-Nasir Muhammad masih tetap berjaga-jaga dan sentiasa mengambil langkah melengkapkan pasukan tentera Mamluk. Dalam masa yang sama, Sultan al-Nasir Muhammad turut membeli kumpulan hamba baru untuk dilatih dan dijadikan pasukan tentera yang dapat menjaga kepentingannya sendiri. Pasukan tentera Mamluk ini dikenali sebagai *Mamluk al-Nasiri*. Dalam hal ini, hubungan baik yang terjalin antara Sultan al-Nasir Muhammad dengan kerajaan Mongol Golden Horde memudahkan lagi beliau untuk membeli golongan hamba dalam jumlah yang banyak dari kawasan Kipchak dengan harga yang murah (Hasan, 1954: 330).

Bagi hal ehwal dalaman negara, Sultan al-Nasir Muhammad telah melaksanakan polisi yang lebih bertoleransi dengan penduduk yang beragama Kristian serta Yahudi dan suasana sebegini dilaporkan telah menyenangkan kehidupan golongan *Dhimmi*. Walau bagaimanapun, beliau terpaksa menukar dasar tersebut berikutan sebilangan penduduk Islam yang tidak bersetuju dengan polisi itu. Mereka berpendapat adalah tidak wajar bagi golongan *Dhimmi* mempunyai persamaan dalam kehidupan masyarakat Islam sama ada dari sudut berpakaian mahupun kehidupan yang lain. Untuk mengatasi persamaan tersebut, perbezaan perlu dilaksanakan agar tidak berlaku sesuatu perkara yang boleh mendatangkan fitnah terhadap masyarakat Islam dan agama Islam sendiri. Atas desakan mereka, Sultan al-Nasir Muhammad telah melaksanakan polisi yang agak ketat ke atas golongan tersebut seperti menghadkan peluang pekerjaan kepada golongan *Dhimmi* (Hasan, 1954: 449-450). Dari sudut ekonomi, untuk menggalakkan sektor pertanian dan perdagangan, Sultan al-Nasir Muhammad telah menyediakan pelbagai prasarana seperti membina terusan untuk memudahkan pengairan dan jalan perdagangan. Pada 710H/1311M, beliau telah membina terusan yang digali dari Kaherah hingga Iskandariah. Ia bukan sahaja dapat mengairi kawasan tanaman malah berupaya mempercepatkan pengangkutan barang-barang dagangan di antara kedua-dua buah tempat (Hitti, 1970: 681).

Majoriti penulis sejarah moden menyatakan bahawa selepas era Sultan al-Zahir Baybars, Sultan Qalawun dan Sultan al-Nasir Muhammad, kerajaan Mamluk tidak lagi mempunyai tokoh-tokoh pemimpin yang berkaliber dan berwibawa seperti mereka. Kebanyakan keturunan Sultan Qalawun pada akhir-akhir zaman Mamluk Bahri adalah lemah dan tidak berkebolehan. Sultan yang terakhir iaitu Sultan al-Salih Hajji, putera kepada Sultan al-Ashraf Sha‘ban merupakan pemimpin yang kurang berwibawa dan tidak berkredibiliti dalam urusan pentadbiran negara. Dalam usia yang belum matang dan ditambah pula dengan suasana pemberontakan yang sering kali dicituskan oleh kumpulan-kumpulan dalam tentera Bahri, maka al-Zahir Barquq daripada kumpulan Mamluk Burji (Jarkashi) telah mengambil peluang keemasan merampas takhta kerajaan dan sekali gus menamatkan zaman Mamluk Bahri yang berkuasa hampir satu setengah abad dengan 25 orang pemerintah. Pada 784H/1382M, pemerintahan keturunan Qalawun akhirnya tamat dan bermulalah pemerintahan baru yang diterajui oleh golongan Mamluk Burji di bawah pimpinan Sultan al-Zahir Barquq (Poole, 1968: 322).

Sejarah Kemunculan Mamluk Burji (Jarkashi)

Sejarah kemunculan golongan Mamluk Burji dalam pemerintahan Mamluk di Mesir telah bermula seawal pemerintahan Sultan Qalawun pada sekitar tahun 681H/1281M. Golongan Mamluk Burji telah dibawa ke Mesir dan dibentuk oleh Sultan Qalawun sebagai sebuah pasukan tentera baru yang mempunyai susur galur keturunan dan bangsa yang berbeza daripada yang sebelumnya. Pembentukan pasukan tersebut selain digunakan untuk perluasan kuasa adalah juga bagi menjaga keselamatan Sultan Qalawun dan ahli keluarganya daripada ancaman kumpulan-kumpulan Mamluk yang lain (al-Maqrizi 1850, 2: 213). Keinginan Sultan Qalawun untuk membentuk pasukan khas tersebut tercetus apabila kredibiliti beliau tergugat ekoran peristiwa pemberontakan golongan Mamluk Bahri yang berlaku pada 681H/1281M (Ibn Iyas 1960, 1: 115). Sultan Qalawun menempatkan golongan hamba tersebut di sekitar menara istana dan dari situlah mereka telah dinamakan sebagai kumpulan tentera Burji yang diambil daripada perkataan *Abraj* yang bermaksud menara (al-Maqrizi 1970, 1: 756). Menurut Hakim Amin ‘Abd al-Sayyid (1966: 12), golongan hamba itu mendapat panggilan sebagai ‘kelompok tentera Burji’ hanya selepas beberapa tahun mereka ditempatkan di menara istana tersebut.

Golongan Mamluk ini berasal dari sebuah tempat di sebelah barat Caucasus. Wilayah ini merupakan sebahagian dari kawasan Sungai Quban (Sungai Wadi), yang terletak berhampiran Laut Hitam ke barat wilayah al-Abkhar (al-Nuwayri t.th., 1: 247). Menurut Ibn Taghri Birdi (1992, 11: 183), Mamluk Burji terdiri daripada empat kumpulan iaitu Turki, Arkas, Kasa dan al-Asi. Sultan al-Zahir Barquq yang merupakan pemimpin pertama bagi kerajaan Mamluk Burji adalah seorang Mamluk daripada puak Kasa. Kawasan persekitaran yang dikelilingi gunung-ganang telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Mamluk ini dan menjadikan mereka lebih berani dan mahir berkuda untuk menghadapi pelbagai rintangan sebagai tentera. Namun, itu tidak kekal lama kerana kehidupan mereka mula tergugat berikutan serangan Mongol yang akibatnya mereka dijadikan golongan hamba dan sebahagiannya pula menjadi barang dagangan di pasar-pasar hamba.

Selain faktor keberanian dan kemahiran berkuda yang dimiliki oleh golongan hamba tersebut, harga yang ditawarkan amat murah berbanding hamba berketurunan Turki. Ini merupakan antara sebab yang mendorong Sultan Qalawun memilih dan membeli golongan hamba tersebut dan seterusnya menjadikan mereka sebuah pasukan tentera khas dalam pemerintahannya. Sultan Qalawun telah mengambil tindakan untuk terus menambahkan bilangan golongan Mamluk tersebut sehingga mencapai hampir seramai 3,700 orang pada akhir pemerintahannya. Beliau juga memberi perhatian khusus kepada mereka dan sering kali mengutamakan kepentingan golongan tersebut. Malah, beliau juga telah mengasingkan kumpulan tentera Burji daripada kumpulan tentera Bahri (al-Maqrizi 1850, 2: 214).

Selepas kemangkatan Sultan Qalawun pada 689H/1290M, takhta kerajaan diambil alih oleh puteranya, Sultan al-Ashraf Khalil b. Qalawun (689-693H/1290-1293M) yang telah mengambil langkah yang sama iaitu memperbanyakkan jumlah golongan hamba daripada Caucasus sehingga jumlahnya mencapai angka 15 ribu orang. Dalam tempoh pemerintahannya yang singkat iaitu dari 689-690H/1289-1290M, Sultan al-Ashraf Khalil telah membeli seramai 1000 orang hamba dari pasar hamba Thughr yang terletak di Qaram ('Abd al-Sayid, 1966: 13). Bilangan mereka semakin bertambah dari masa ke semasa sehingga pada suatu ketika jumlah tersebut telah menggugat dan mengancam kedudukan golongan Mamluk Bahri dalam pemerintahan dan pentadbiran. Keadaan ini menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan pembesar Mamluk Bahri terhadap Sultan al-Ashraf Khalil, antaranya ialah *Na'ib al-Sultan* iaitu Amir Baydara. Beliau adalah individu yang bertanggungjawab merancang dengan sebilangan pembesar lain untuk melakukan pemberontakan dan seterusnya membunuh Sultan al-Ashraf Khalil (Glubb 1973: 152-153).

Ekoran kematian Sultan al-Ashraf Khalil, golongan Mamluk Burji telah bersepakat memilih dan menabalkan saudara Sultan al-Ashraf Khalil iaitu al-Nasir Muhammad b. Qalawun sebagai pemerintah baru pada Muharram 693H/Mei 1293M. Walau bagaimanapun, disebabkan usia yang masih muda, Sultan al-Nasir Muhammad telah melantik beberapa orang pembesar daripada golongan Mamluk Bahri, antaranya Amir Kitbugha sebagai *Na'ib al-Sultan* dan Amir Sanjar al-Shujay al-Turki menjawat jawatan penting dalam pentadbiran Mamluk. Perlantikan tersebut telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan golongan Mamluk Burji dan menyebabkan pelbagai krisis politik di antara golongan Mamluk Bahri dan Mamluk Burji. Krisis politik yang berlaku akhirnya mengakibatkan Sultan al-Nasir Muhammad digulingkan pada 694H/1294M. Kesempatan ini telah diambil oleh Amir Kitbugha untuk menekan kumpulan Mamluk Burji dengan menghalang mereka daripada menerima *Iqta'* (iaitu pemberian tanah sebagai ganjaran perkhidmatan ketenteraan) serta mengurangkan jumlah bayaran gaji mereka untuk diagihkan kepada golongan Mamluk Bahri (al-Maqrizi 1850, 3: 22-23). Walau bagaimanapun, tindakan tersebut tidak melemahkan kekuatan yang dimiliki oleh golongan Mamluk Burji pada waktu itu.

Ketika pemerintahan Sultan al-Nasir Muhammad kali kedua (698-708H/1299-1309M), politik Mamluk Burji kembali mewarnai pentadbiran kerajaan berikutan majoriti golongan tersebut telah dilantik sebagai pembesar kerajaan seperti Amir Qarasanqar al-Jarkashi al-Mansuri. Namun, satu pemberontakan telah berlaku dan sekali lagi Sultan al-Nasir Muhammad digulingkan daripada takhta kerajaan. Manakala kumpulan Mamluk Burji

pula, setelah melalui pelbagai rintangan politik daripada golongan Mamluk Bahri, akhirnya mereka berjaya menabalkan seorang pemerintah baru daripada golongan mereka iaitu Sultan Muzaffar Baybars al-Jasankir (708-709H/1309-1310M). Walau bagaimanapun, pemerintahan beliau hanya mampu bertahan dalam jangka masa yang singkat kerana takhta kerajaan Mamluk kemudiannya kembali semula ke tangan golongan Mamluk Bahri iaitu Sultan al-Nasir Muhammad untuk kali ketiga pada 709H/1310M sehingga 741H/1341M.

Tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh golongan Mamluk Burji tersebut memperlihatkan tentang perubahan corak politik mereka daripada menjaga dan melindungi ahli keluarga Qalawun kepada perebutan kuasa pemerintahan. Hal ini menyebabkan Sultan al-Nasir Muhammad mengambil langkah mengurangkan pembelian dan penglibatan golongan Mamluk Burji dalam pentadbiran negara. Selain itu, beliau turut menghadkan pemberian *Iqta'* kepada mereka dan memotong hasil pendapatan pegawai kerajaan daripada golongan Mamluk Burji (al-Maqrizi 1970, 2: 156). Setelah kemangkatan Sultan al-Nasir Muhammad, kedudukan golongan Mamluk Burji semakin tertekan berikutan tindakan yang dilakukan oleh para pengganti beliau seperti Sultan al-Nasir Hasan (748-752H/1347-1351M dan 755-762H/1354-1361M). Ketika pemerintahan Sultan al-Nasir Hasan, tekanan telah dilakukan dengan mengurangkan jumlah pembayaran gaji kepada golongan Mamluk Burji dalam sektor kerajaan. Pada masa yang sama, pihak berkuasa juga mengenyepikan dan meminggirkan golongan tentera tersebut dalam perkhidmatan dan pentadbiran kerajaan. Sejak itu, golongan Mamluk Burji tidak lagi mempunyai kebebasan untuk berkhidmat dalam sistem pentadbiran negara kecuali sebilangan kecil sahaja yang telah mendapat persetujuan daripada pihak sultan (Ibn Taghri Birdi 1992, 6: 298,449-450, 7: 27,309).

Walaupun bagaimanapun, ketika pemerintahan Sultan al-Ashraf Sha'ban (764-778H/1363-1377M), kedudukan golongan Mamluk Burji berubah semula apabila seorang amir daripada golongan tersebut iaitu Barquq al-Jarkashi berjaya menjawat jawatan penting dalam pentadbiran Mamluk. Bermula dari saat itu, kumpulan Mamluk Burji telah berjaya menaiki tahap demi tahap dalam pentadbiran negara dan akhirnya golongan tersebut kembali mewarnai lalu menguasai pentadbiran kerajaan. Malah, mereka juga berjaya menabalkan golongan Mamluk Burji iaitu Amir Barquq al-Jarkashi sebagai pemerintah baru setelah berhasil menggulingkan pemimpin terakhir Mamluk Bahri iaitu Sultan al-Mansur Hajji (783-784H/1381-1382M dan 791-792H/1389-1390M). Dengan pelantikan Barquq, maka berakhirilah era Mamluk Bahri dan bermulalah era pemerintahan Mamluk Burji.

Sejarah Politik Mamluk Burji (Jarkashi) (784-922H/1382-1517M)

Pemerintahan Mamluk Burji bermula dari 784H/1382M hingga 922H/1517M dan ia telah diterajui oleh seramai 23 orang sultan dalam tempoh selama 134 tahun. Daripada keseluruhan pemimpin tersebut, sembilan orang sultan telah memerintah kerajaan Mamluk untuk tempoh selama 103 tahun, manakala 14 yang lain hanya memerintah selama sembilan tahun sahaja. Berdasarkan fakta-fakta sejarah, hanya sembilan orang pemerintah sahaja yang terkenal dan mempunyai sejarah yang tersendiri pada sepanjang tempoh pemerintahan tersebut. Mereka ialah Sultan al-Zahir Barquq, Sultan al-Nasir Faraj, Sultan al-Mu'ayyad

Shaykh, Sultan al-Ashraf Barsbay, Sultan al-Zahir Jaqmaq, Sultan Ashraf Inal, Sultan al-Zahir Khushqaddam, Sultan al-Ashraf Qaytbay dan Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri.

Keunikan yang terdapat dalam pemerintahan Mamluk ini ialah kesemua pemerintah adalah berketurunan Jarkashi kecuali dua orang sultan iaitu al-Zahir Khushqaddam dan al-Zahir Timurbugha yang berasal daripada keturunan Rom ('Ashur, 1990: 266). Sama seperti Mamluk Bahri, sistem pemerintahan Mamluk Burji juga memperlihatkan kumpulan amir yang paling dominan akan memainkan peranan penting dalam penggulingan dan pelantikan seseorang sultan. Oleh itu, dalam sistem pemerintahan Mamluk, hanya mereka yang kuat dan berpengaruh sahaja yang mampu untuk memerintah negara. Namun, seorang sarjana Barat, Bertold Spuler (1969, 2: 77) menyatakan bahawa sultan Mamluk Burji lebih bergantung kepada kekuatan dan kekuasaan yang dimilikinya jika dibandingkan dengan pemerintahan Mamluk Bahri yang agak berbentuk monarki dan mendapat sokongan para pembesar.

Para sejarawan bersependapat menyatakan bahawa pengasas kerajaan Mamluk Burji ialah Sultan al-Zahir Barquq yang memegang tampuk pemerintahan antara 784-801H/1382-1399M. Pada awal pemerintahannya, beliau berdepan dengan masalah pemberontakan yang dicetuskan oleh beberapa kumpulan Mamluk yang tidak berpuas hati terhadapnya. Walau bagaimanapun, masalah tersebut berjaya diselesaikan oleh Sultan al-Zahir Barquq dan ini sekali gus dapat menenangkan keadaan politik dalaman Mesir dan Syria. Sistem pentadbiran yang melibatkan ketenteraan juga diperkembangkan dan disusun dalam usaha memantapkan pemerintahan beliau. Bagi membendung kemaraan Mongol di bawah pimpinan Timur Lank yang berusaha menguasai Sham, Sultan al-Zahir Barquq telah memperbaiki serta membina kubu-kubu pertahanan di kawasan-kawasan yang strategik serta membina menara-menara tinggi termasuklah menambah bilangan anggota tentera (Sharubim Bek, 1898: 488). Dari sudut sosial, Sultan al-Zahir Barquq amat menitikberatkan kebajikan masyarakat seperti menyediakan prasarana pendidikan melalui pembinaan beberapa buah madrasah dan masjid. Antara madrasah terkenal yang diasaskan oleh beliau ialah Madrasah Zahiriyah. Bagi melancarkan pentadbiran ekonomi, beliau telah menubuhkan sebuah jabatan khas iaitu *Diwan al-Mufrad* yang berkaitan dengan hal ehwal pembelian dan pengurusan tentera Mamluk agar ia dapat berjalan dengan lebih lancar dan sistematik (Garcin 1998, 1: 290-317).

Selepas era pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq, beberapa orang penggantinya turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kekuasaan politik masing-masing. Antara pemerintah yang berusaha untuk melebarkan kekuasaan Mamluk selepas Sultan al-Zahir Barquq ialah Sultan al-Ashraf Barsbay yang memerintah antara 825-842H/1422-1438M (Muir, 1973: 137). Tempoh pemerintahannya yang agak lama iaitu selama 16 tahun memperlihatkan pelbagai usaha yang dilaksanakan untuk menstabilkan dan memantapkan kekuasaannya. Antaranya ialah beliau telah menjalinkan hubungan politik terutama dengan kuasa-kuasa Barat. Di samping itu, Sultan al-Zahir Barquq juga berusaha menguasai Pulau Cyprus yang merupakan salah satu pusat perdagangan Eropah di Mediterranean dan juga pengkalan lanun-lanun Eropah. Dengan menduduki pulau tersebut, maka Sultan al-Ashraf Barsbay akan mampu menguasai perdagangan di situ dan dapat menyekat serangan lanun-lanun Eropah di persisiran pantai Levant dan Mesir serta Afrika Utara (Spuler 1969, 2: 78).

Lanun-lanun dari Eropah yang disebut sebagai *al-Faranj* atau *al-Ifranj* dalam sumber-sumber primer sememangnya sentiasa berkeliaran di timur Laut Mediterranean mencari peluang untuk menjarah saudagar-saudagar Islam dengan menyerang kapal-kapal dagang mereka (Ibn Khalil, Ms. Hunt. 285). Di samping itu, mereka turut menyerang kawasan-kawasan pelabuhan dan bandar-bandar di sekitar perairan pantai Levant dan Mesir serta Afrika Utara. Sebagai contoh, mereka pernah menyerang pelabuhan Iskandariyyah dengan teruknya pada 767H/1365M, 770H/1369M dan 819H/1417M (Ibn Iyas 1960, 1: 22; Imamuddin 1980: 68). Faktor-faktor seperti inilah yang mendesak Sultan al-Ashraf Barsbay untuk menyerang dan menawan pulau Cyprus yang secara tidak langsung akan melumpuhkan kekuatan lanun-lanun Eropah tersebut. Akhirnya pada 829H/1426M, keseluruhan wilayah pulau tersebut telah jatuh ke tangan Sultan al-Ashraf Barsbay dan sejak itulah pulau Cyprus berada di bawah naungan pemerintahan kerajaan Mamluk (Husayn t.th., 2: 262).

Untuk mengukuhkan ekonomi Mamluk, Sultan al-Ashraf Barsbay telah menarik para saudagar dari Timur seperti India yang datang membawa komoditi dagangan yang bernilai seperti rempah ratus, sutera, haruman dan kayu cendana untuk kegunaan tempatan atau dijual semula ke Eropah kerana ia adalah perniagaan yang menguntungkan (Holt & et al., 1970: 223). Kapal-kapal dagang dari India dilaporkan berlabuh di Jeddah yang terletak di Laut Merah yang mana sebelum itu, mereka menggunakan pelabuhan Aden di Yaman sebagai tempat persinggahan. Bagi menggalakkan para pedagang dari Eropah untuk berurus niaga di Mesir pula, Sultan al-Ashraf Barsbay telah menyediakan beberapa prasarana untuk mereka di pelabuhan Iskandariah seperti tempat berniaga, rumah penginapan dan konsul perdagangan. Dalam masa yang sama, beliau dilaporkan telah melaksanakan beberapa polisi baru dalam sektor perdagangan ini seperti mengawal perdagangan rempah dengan menetapkan harganya serta menetapkan cukai barangan tersebut mengikut keperluan kerajaan ('Ata, t.th.: 139).

Selepas 15 tahun kemangkatan Sultan al-Ashraf Barsbay, takhta kerajaan telah diambil alih oleh Sultan Ashraf Sayf al-Din Inal (857-865H/1453-1460M) yang merupakan pemerintah yang ke 12 daripada keturunan Mamluk Jarkash (Ibn Taghri Birdi 1992, 16: 35). Sultan Inal telah merampas takhta pemerintahan daripada al-Malik Mansur 'Uthman iaitu anak Sultan al-Zahir Jaqmaq (842-857H/ 1438-1453M) melalui rampasan kuasa yang berlaku pada 857H/1253M. Tindakan Sultan Inal tersebut telah mendapat sokongan daripada Khalifah al-Qa'im bi Amr Allah berikutan ketidakadilan dalam pemerintahan al-Malik Mansur 'Uthman. Dalam usaha memantapkan kekuasaan politiknya, Sultan Inal telah menambah bilangan tentera dan pengawal keselamatan dengan membeli sebilangan Mamluk yang agak dewasa kerana harganya yang lebih murah. Tujuan pembelian tersebut juga adalah kerana sebilangan anggota tentera telah mati akibat serangan wabak taun dan peperangan yang seringkali berlaku sebelum pemerintahan Sultan Inal sehingga jumlah tentera untuk mengawal keselamatan negara berkurang dan tidak begitu mencukupi (Marsot, 1985: 33).

Sementara itu, hubungan politik antara kerajaan Mamluk dan 'Uthmaniyyah juga berjalan dengan lancar. Ketika berita kejayaan 'Uthmaniyyah di bawah pimpinan Sultan Muhammad II al-Fatih menakluki Constantinople pada 857H/1453M sampai ke pengetahuan

Sultan Inal, beliau telah menyambut berita tersebut dengan penuh kegembiraan. Selain mengadakan majlis keramaian, Sultan Inal juga telah menghantar perwakilannya ke Constantinople untuk menyampaikan tahniah dan hadiah daripada kerajaan Mamluk. Kerajaan 'Uthmaniyyah pula kemudiannya telah membalas hadiah tersebut melalui penghantaran beberapa orang tawanan perang Eropah ke Kaherah. Selepas kemangkatan Sultan Inal pada 865H/1460M, takhta kerajaan telah diambil alih oleh pewarisnya iaitu al-Malik al-Mu'ayyad Ahmad (865H/1460-1461M). Walau bagaimanapun, pemerintahan yang diterajui beliau tidak dapat bertahan lama dan ia kemudiannya digantikan oleh al-Zahir Sayf al-Din Khushqadam (865-872H/1461-1467M), al-Zahir Sayf al-Din Yalbay (872H/1467-1468M) dan al-Zahir Timurbugha (872H/1468M).

Sekitar setengah abad sebelum berakhirnya kerajaan Mamluk iaitu antara tahun 872H/1468M dan 922H/1517M, terdapat seramai tujuh individu yang telah dilantik sebagai sultan. Dua orang sultan iaitu al-Ashraf Qaytbay dan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri telah memerintah selama 44 tahun, manakala lima orang sultan yang lain hanya memerintah selama lima tahun sahaja (Wan Kamal, 2006: 27) Menurut Jean Claude Garcin (1998, 1: 295), jangka masa pemerintahan Sultan al-Ashraf Qaytbay (872-901H/1468-1495M) yang lama merupakan kemuncak zaman pemerintahan Mamluk Burji. Kewibawaan dan kecekapan Sultan al-Ashraf Qaytbay dalam menangani konflik politik yang timbul pada masa pemerintahannya seperti ketika berdepan dengan perluasan kuasa Dawlah 'Uthmaniyyah, telah banyak menyelamatkan kerajaan Mamluk daripada jatuh ke tangan kuasa tersebut. Krisis politik antara kedua-dua belah pihak berlaku apabila Sultan al-Ashraf Qaytbay masuk campurtangan dalam perebutan kuasa di antara Sultan Bayazid II (886-918H/1481-1512M) dan saudaranya, Jem. Tindakan Sultan al-Ashraf Qaytbay yang memberi perlindungan politik kepada Jem telah menimbulkan kemarahan Sultan Bayazid II (Holt 1970: 309-311).

Hubungan antara kedua-dua buah kerajaan tersebut semakin renggang berikutan pemberontakan Shah Suwar daripada Dinasti Dhu al-Ghadir di tenggara Anatolia yang secara senyap-senyap mendapat sokongan kerajaan 'Uthmaniyyah. Walau bagaimanapun, setelah beberapa ekspedisi tentera dilancarkan, akhirnya Shah Suwar tewas pada 876H/1472M dan kembali semula di bawah naungan Mamluk (Ibn Khalil, Ms. Hunt. 610). Sultan al-Ashraf Qaytbay sekali lagi menghadapi krisis dengan 'Uthmaniyyah yang mengakibatkan beberapa siri peperangan yang berlarutan antara 888-895H/1483-1489M. Ia berlaku setelah 'Uthmaniyyah terlibat dalam pemberontakan yang dilancarkan oleh 'Ali Dawlat yang memimpin Dinasti Dhu al-Ghadir ketika itu. Peperangan hanya berakhir pada 897H/1491M selepas perjanjian perdamaian dimeterai berikutan kekalahan tentera 'Uthmaniyyah di Kaysariyyah pada 896H/1490M (Iskandar, 1961: 288-289).

Di samping itu, Sultan al-Ashraf Qaytbay juga terpaksa berhadapan dengan ancaman lanun Eropah di di perairan Mesir, Levant dan Mediterranean termasuklah Hasan al-Tawil iaitu pemimpin kerajaan Aqqyunlu di Iran yang cuba melebarkan pengaruhnya di Syria pada 877H/1472M (al-Sayrafi, 1960: 441). Semuanya ini memaksa beliau untuk menyediakan ekspedisi tentera untuk menentang musuh-musuh tersebut demi mempertahankan kedaulatan kerajaan Mamluk. Usaha-usaha yang dilakukan oleh Sultan al-

Ashraf Qaytbay nampaknya berhasil, namun dalam pada itu juga, bibit-bibit kelemahan kerajaan Mamluk mula terbayang apabila pemimpin Aqqyunlu yang seterusnya iaitu Ya'akub berjaya menewaskan Amir Yashbak yang diutus oleh Sultan al-Ashraf Qaytbay pada Ramadan 885/November 1480 di kota al-Ruha. Sejak itu, Sultan al-Ashraf Qaytbay tidak lagi menghantar mana-mana ekspedisi ketenteraan untuk menentang kerajaan Aqqyunlu (Ibn Iyas 1960, 3: 170).

Selepas pemerintahan Sultan al-Ashraf Qaytbay, sumber-sumber primer Mamluk banyak mencatitkan tentang ketidakstabilan politik kerajaan itu ketika pemerintahan al-Nasir Muhammad b. Qaytbay (901-904/1495-1498), al-Zahir Qansuh (904-905H/1498-1499M), al-Ashraf Janbalat (905-906H/1500M), al-'Adil Tumanbay (906H/1500-1501M) sehinggalah kemunculan Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri yang memerintah antara 906-922H/1501-1516M. Kesemua para sultan ini adalah Mamluk kepunyaan Sultan al-Ashraf Qaytbay dan pernah berkhidmat dengannya melainkan Sultan al-Nasir Muhammad yang merupakan anak kepada Sultan al-Ashraf Qaytbay. Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri telah ditabalkan sebagai sultan pada 1 Syawal 906H/20 April 1501M ketika berusia 60 tahun (Ibn Iyas 1960, 4: 2-6). Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam politik dan pentadbiran Mamluk melalui perkhidmatannya di Mesir dan Syria pada era Sultan al-Ashraf Qaytbay. Ini menjadi kelebihan dan rahsia kepada beliau untuk membolehkannya mengekalkan kekuasaan selama lebih 15 tahun. Antara jawatan yang pernah disandang oleh al-Ashraf Qansuh al-Ghawri sebelum dilantik menjadi sultan ialah *Amir 'Ashara* (Amir yang mengetuai sepuluh orang Mamluk), *Taqdimat Alf* (Amir yang mengetuai seribu orang Mamluk), Gabenor Tarsus, Gabenor Malatya, *Dawadar* dan *Ustadar* (Ibn al-Hanbali 1972, 2: 46-47).

Meskipun berpengalaman, namun pemerintahan Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri tidak sunyi daripada masalah dalaman dan luaran yang menggugat kestabilan politik pada waktu itu. Antaranya ialah cubaan rampasan takhta oleh Amir Misrbay dan Qayt al-Rajabi, tetapi dapat ditumpaskannya. Di samping itu, kumpulan *Qaranis* (Mamluk kepunyaan sultan terdahulu) pula memberontak kerana tidak berpuas hati apabila hak-hak keistimewaan mereka dikurangkan, manakala Mamluk kepunyaannya sendiri (*Julban*) seringkali menimbulkan huru hara menuntut gaji dan bonus yang lebih tinggi. Ini menyebabkan Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri terpaksa mengenakan cukai yang tinggi ke atas rakyat untuk menampung perbelanjaan kumpulan-kumpulan Mamluk tersebut. Bagi mengurangkan ancaman *Qaranis*, beliau telah melaksanakan suatu strategi iaitu menghantar mereka ke medan-medan perang dengan tujuan untuk mengurangkan jumlah bilangan mereka. Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri dilaporkan telah mengutus kumpulan-kumpulan Mamluk kepunyaan Sultan al-Zahir Qansuh, al-Ashraf Janbalat dan al-'Adil Tumanbay ke beberapa medan perang. Sebenarnya, strategi seperti ini telah pun dilakukan oleh para sultan Mamluk yang lebih awal seperti Sultan al-Ashraf Qaytbay yang menghantar Mamluk *Khusqaddamiyyah* untuk bertempur di medan perang. Selain itu, Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri juga menghadapi ancaman puak Badwi tempatan yang kerap kali mencetuskan kekacauan di Mesir dan Hijaz (Ibn Iyas 1960, 3: 5,7,8, 4: 5,17,27,79).

Dari sudut ancaman luar, Portugis and ‘Uthmaniyyah turut menunjukkan taring kekuatan masing-masing di Laut Merah serta Laut Hindi dan utara Syria. Portugis telah berjaya mengelilingi benua Afrika seterusnya menguasai Lautan Hindi dan mengancam pedagang-pedagang di Laut Merah sekaligus menamatkan monopoli Mamluk dalam perdagangan rempah ratus. Sementara ‘Uthmaniyyah pula telah menawan beberapa wilayah di bawah naungan Mamluk di utara Syria. Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri dilaporkan telah memperuntukkan sejumlah besar dana untuk menyekat kemaraan kedua-dua musuh utama tersebut, tetapi tidak berhasil (Ibn Tulun, 1962: 17; al-Raqid, 1968: 83-138). Pemerintahan Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri juga telah menyaksikan perbendaharaan negara sedang menghadapi defisit yang menyebabkan beliau terpaksa mengurangkan gaji dan mengerah individu tertentu membiayai kos peperangan. Pada zaman beliaulah kerajaan Mamluk gagal mempertahankan kekuasaan dan kedaulatannya di mana tentera Mamluk telah ditewaskan oleh ‘Uthmaniyyah dalam pertempuran Maraj Dabiq yang meletus pada 25 Rejab 922H/24 Ogos 1516M. Sultan al-Ashraf Qansuh al-Ghawri dilaporkan terbunuh dalam peperangan tersebut (Ibn Iyas 1960, 5: 38; al-Ghazzi 1945, 2: 294).

al-Ashraf Abu al-Nasr Tumanbay adalah sultan Mamluk yang terakhir dan ditabalkan pada 14 Ramadan 922H/11 Oktober 1516M ketika tentera ‘Uthmaniyyah telah berjaya menawan Syria dan bersiap sedia untuk mara menyerang Mesir. Beliau cuba mempertahankan kedaulatan Mamluk dengan menghantar ekspedisi tentera yang dipimpin oleh Janbirdi al-Ghazali untuk menyekat tentera ‘Uthmaniyyah, tetapi dapat ditumpaskan oleh komander Sinan Pasha di Baysan. Tentera Mamluk kemudiannya cuba pula untuk menyekat kemaraan ‘Uthmaniyyah buat kali terakhir di Raydaniyyah, bagaimanapun tewas di situ dalam pertempuran yang berlaku pada 29 Zulhijjah 922H/22 Januari 1517H. Kesultanan dan kekuasaan Mamluk yang berlangsung selama lebih kurang dua abad berakhir apabila al-Ashraf Tumanbay digantung oleh Sulan Salim pada 2 Rabiulakhir 923H/23 April 1517M (Ibn Iyas 1960, 5: 102-105,129,141-153).

Kesimpulan

Golongan Mamluk telah pun wujud sejak zaman kerajaan ‘Abbasiyyah lagi apabila Khalifah al-Mu‘tasim menentang mereka ke dalam sistem pentadbiran negara melalui sistem ketenteraan. Namun, kewujudan serta peranan mereka hanyalah mendapat perhatian pada akhir era Ayyubiyyah apabila mereka berjaya mengasaskan kerajaan Mamluk. Terdapat dua kumpulan Mamluk yang memerintah dalam kerajaan ini iaitu Mamluk Bahri dari 648H/1250M hingga 792H/1390M dan Mamluk Burji dari 784H/1382M sehingga 922H/1517M. Sebenarnya, penggunaan terminologi ‘Mamluk Bahri’ dan ‘Mamluk Burji’ adalah tidak tepat kerana kesemua sejarawan Mamluk ketika itu tidak pernah menggunakan perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk sedemikian. Mereka hanyalah menggunakan istilah ‘Mamluk Turki’ atau ‘Jarkashi’ yang merujuk kepada bangsa dan tempat asal golongan Mamluk tersebut. Namun, pada hari ini, penggunaan terminologi Mamluk Bahri dan Mamluk Burji telah diterima pakai dengan meluas oleh rata-rata sarjana moden. Seramai 48 orang sultan telah memerintah kerajaan Mamluk dan sebilangan daripadanya telah

membawa kerajaan tersebut kepada mercu kecemerlangan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Beberapa orang sultan yang menerajui kerajaan Mamluk telah memperlihatkan keupayaan politik mereka yang tinggi untuk meneruskan kelangsungan pemerintahan mereka. Antara cabaran utama yang kerap kali dicatatkan dalam sejarah kerajaan yang berasaskan ketenteraan ini ialah saingan daripada para amir daripada kumpulan lain untuk menduduki takhta. Hanya sultan yang berwibawa dan berkredibiliti sahaja yang mampu menghadapi konspirasi serta pemberontakan yang dilakukan oleh para amir tersebut. Dalam soal mengukuhkan kekuasaan politik, maka aspek perekonomian dan sosial adalah elemen-elemen yang tidak boleh dikesampingkan. Oleh itu, para sultan Mamluk telah memberi perhatian yang serius dalam usaha mengembangkan perekonomian negara seperti menggalakkan sektor pertanian dan perdagangan. Untuk memantapkan kestabilan sosial, beberapa prasarana telah disediakan untuk rakyat, termasuklah penguatkuasaan undang-undang yang boleh menjamin kesejahteraan awam. Bagi meneruskan kelangsungan dan kesinambungan pemerintahan Mamluk di persada antarabangsa, maka para sultan telah mendepani ancaman musuh yang cuba menggugat kedaulatan kesultanan Mamluk. Manakala hubungan politik yang dijalinan dengan kuasa-kuasa luar yang tertentu telah meneguhkan kedudukan politik Mamluk.

Secara umumnya, dapatlah dinyatakan bahawa kemunculan kerajaan Mamluk dalam lipatan sejarah telah meninggalkan impak yang besar kepada dunia Islam dari sudut politik. Kerajaan ini muncul menggantikan kerajaan Ayyubiyah di Mesir yang sedang bergelut dalam Perang Salib Ketujuh di Timur Tengah. Sebagai penyambung warisan pemerintahan Islam, kerajaan Mamluk seolah-olah telah dipertanggungjawabkan untuk meneruskan misi menentang tentera Salib dan akhirnya, usaha-usaha tersebut menampakkan hasil apabila tentera Salib berjaya diusir habis-habisan dari Mesir dan Syria. Kerajaan Mamluk seterusnya berjaya menakluki wilayah-wilayah tentera Salib di pulau Rhodes dan Cyprus yang merupakan antara pusat gerakan dan penempatan utama tentera Salib.

Kerajaan Mamluk juga telah membawa nafas baru dalam sejarah politik Islam berikutan kejayaan mereka mengalahkan tentera Mongol di 'Ayn Jalut pada 25 Ramadan 658H/3 September 1260M. Kejayaan mereka menentang tentera Mongol adalah pencapaian terbesar dalam sejarah dunia Islam kerana selepas kejatuhan kota Baghdad, Mamluk adalah satu-satunya kerajaan Islam yang berjaya menyekat kemaraan Mongol ke atas negara-negara Islam. Malah secara tidak langsung, ia juga menyekat kemaraan tentera Mongol menuju ke kawasan sebelah dunia Barat. Sesungguhnya, peranan yang dimainkan oleh kerajaan Mamluk dalam menyekat kemaraan tentera Mongol dan menghalau keluar tentera Salib telah mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah kerajaan Islam selepas kejatuhan kota Baghdad. Kejayaan cemerlang yang dicapai oleh Mamluk telah meninggalkan impak besar kepada dunia Islam kerana kejayaan tersebut menyedarkan dunia tentang kekuatan politik yang dimiliki oleh kerajaan Islam ketika itu.

Kerajaan Mamluk juga diakui sebagai penaung dan penerus Khilafah 'Abbasiyyah selepas kejatuhan kota Baghdad pada 656H/1258M. Mereka berusaha menghidupkan

kembali sistem Khilafah dengan melantik keturunan Banu al-‘Abbas iaitu al-Mustansir sebagai Khalifah. Meskipun pelantikan al-Mustansir hanyalah sebagai boneka, namun setidak-tidaknya tindakan ini telah dapat menghidupkan semula institusi khilafah yang telah pun tamat. Usaha yang dilakukan oleh kerajaan Mamluk telah mengembalikan sinar dunia Islam yang kian malap berikutan ketiadaan khalifah Islam yang menjadi simbol kepada politik dunia Islam.

Bibliografi

- ‘Abd al-Sayyid, Hakim Amin. 1966. *Qiyam Dawlah al-Mamalik al-Thaniyyah*. Kaherah: Dar al-Qawmiyyah lil Tiba‘ah wa al-Nashr.
- Abi Shamah, Shihab al-Din Abu Muhammad ‘Abd al-Rahman b. Isma‘il al-Ma‘ruf bi. 1947. *Tarajim Rijal al-Qarnayn al-Sadis wa al-Sabi‘ al-Ma‘ruf bi Dhayl ‘ala al-Rawdatayn*. Sunt. Muhammad Zahid b. al-Hasan al-Kawthari. Kaherah: Dar al-Kutub al-Malikiyyah.
- ‘Ashur, Sa‘id ‘Abd al-Fattah. 1990. *al-Ayyubiyyah wa al-Mamalik fi Misr wa al-Sham fi ‘Asr al-Mamalik*. Beirut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- ‘Ata, ‘Uthman ‘Ali Muhammad. T.th. *al-Azamat al-Iqtisadiyyah fi Misr fi al-‘Asr al-Mamluki wa Atharuha al-Siyasi wa al-Iqtisadi wa al-Ijtima‘i 648-923H/1250-1517M*. T.tp.: al-Hay‘ah al-Misriyyah al-‘Amma lil Kitab.
- Ayalon, David. 1994. “The Military Reforms of Caliph al-Mu‘tasim: Their Background and Consequences.” Dlm. *Islam and Abode of War – Military Slaves and Islamic Adversaries*. Great Britain: VARIORUM. Hlm.(I) 1-39.
- Ayalon, David. 1994. “Mamluk: Military Slavery in Egypt and Syria.” Dlm. *Islam and Abode of War – Military Slaves and Islamic Adversaries*. Great Britain: VARIORUM. Hlm.(II) 1-21.
- Ayalon, David. 1994. “Bahri Mamluks, Burji Mamluks – Inadequate Names for the Two reigns of the Mamluk Sultanate.” Dlm. *Islam and Abode of War – Military Slaves and Islamic Adversaries*. Great Britain: VARIORUM. Hlm.(IV) 3-53.
- Bosworth, C.E. 1980. *The Islamic Dynasties: A Chronological and Genealogical Handbook*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Garcin, Jean-Claude. 1998. “The Regime of the Circassian Mamluks”. Dlm. *The Cambridge History of Egypt – Islamic Egypt, 640-1517*. Sunt. Carl F. Petry. Jil.1. Cambridge: Cambridge University Press. Hlm. 290-317.
- al-Ghazzi, al-Shaykh Najm al-Din. 1945. *al-Kawakib al-Sa‘irah bi Manaqib al-‘Ulama’ al-Mi‘ah al-‘Ashirah*. Sunt. Jibra‘il Sulayman Jabbur. Jil.2. Beirut: al-Matba‘ah al-Amirikaniyyah.
- Glubb, J.B. 1973. *Soldiers of Fortune*. London: Hodder & Stough.

- Hasan, 'Ali Ibrahim. 1954. *Misr fi al-'Usur al-Wusta min al-Fath al-'Arabi ila al-Fath al-'Uthmani*. Kaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Hitti, Philip Khuri. 1970. *History of the Arabs*. London: MacMillan Press Ltd.
- Holt, P.M. et al. 1970. *The Cambridge History of Islam: The Central Islamic Land*. USA: Cambridge University Press.
- http://12.151.120.44/toah/hd/maml/hd_maml.htm
- Husayn, Ahmad. T.th. *Mawsu'at Tarikh Misr*. Jil.2. Kaherah: al-Sha'b.
- Ibn al-Hanbali. 1972. *Durr al-Habab fi Tarikh A'yan Halab*. Sunt. Mahmud Hamd al-Fakhuri and Yahya Zakariya 'Abbara. Jil.2. Damsyik: Manshurat Wizarat al-Thaqafah.
- Ibn Iyas, Muhammad b. Ahmad. 1960. *Bada'i al-Zuhur fi Waqa'i al-Duhur*. Sunt. Muhammad Mustafa. Jil.1-5. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Khaldun. 1993. *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khalil b. Shahin al-Malati, 'Abd al-Basit. *Nayl al-Amal fi Dhayl al-Duwal*. Ms. Huntington 285. The Bodleian Library.
- Ibn Khalil b. Shahin al-Malati, 'Abd al-Basit. *Nayl al-Amal fi Dhayl al-Duwal*. Ms. Huntington 610. The Bodleian Library.
- Ibn Manzur. 1966. *Lisan al-'Arab*. Jil.2. T.tp.: al-Dar al-Misriyyah lil Ta'lif wa al-Tarjamah.
- Ibn Shahin al-Zahiri, Gharas al-Din Khalil. 1894. *Kitab Zubdat Kashf al-Mamalik wa Bayan al-Turuq wa al-Masalik*. Sunt. Paul Ravaisse. Paris: Imprimerie Nationale.
- Ibn Taghri Birdi. 1992. *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah*. Jil.6,7,11&16. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Tulun, Shams al-Din Muhammad. 1962. *Mufakahat al-Khillan fi Hawadith al-Zaman (Tarikh Misr wa al-Sham)*. Sunt. Muhammad Mustafa. Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Wasil, Jamal al-Din Muhammad b. Salam. 1975. *Mufarrij al-Kurub fi Akhbar Bani Ayyub*. Jil.5. T.tp.: t.pt.
- Imamuddin, S.M. 1980. "Maritime Trade under the Mamluk (644-923/1250-1517)." *Hamdard Islamicus*. 3: 67-77.
- Irwin, Robert. 1986. *The Middle East in The Middle Ages*. London: Croom Helm.
- Iskandar, 'Umar & Hasan, Salim. 1961. *Tarikh Misr min al-Fath al-'Uthmani*. Mesir: Matba'ah al-Ma'arif.
- Kamaruzaman Yusoff. 1988. *The Reign of the Mamluk Sultan, Qalawun (678/1279-689/1298)*. Tesis M.Litt. United Kingdom: University of Edinburgh.

International Journal of West Asian Studies
 Vol 2 No 2, 2010 (pp- 17-45)

- Khairiah Ab Rahaman. 2004. *Kerajaan Mamluk Burji: Satu Analisis Srjarah Terhadap Aspek Politik, Sosial dan Ekonomi Pada Zaman Sultan al-Zahir Barquq (784-801H/1382-1399M)*. Tesis SPI. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam.
- Howaiter, Abdul-Aziz. 1978. *Baibars the First: His Endeavours and Achievements*. London: The Green Mountain Press.
- al-Kutubi, Muhammad b. Shakir. 1974. *Fawat al-Wafayat*. Jil.1. Beirut: Dar al- Thaqafah.
- Lane-Poole, Stanley. 1969. *The Muhammadan Dynasties*. Karachi: Pak Publishers Ltd.
- Lane-Poole, Stanley. 1971. *The Story of Cairo*. Nendeln-Liechtenstein: Kraus Reprint.
- Lane-Poole, Stanley. 1968. *A History of Egypt in the Middle Ages*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Lewis, A.R. 1970. *The Islamic World and the West*. London: John Wiley & Sons.
- Lewis, B. 1970. *The Cambridge History of Islam: The Central Islamic Land*. USA: Cambdridge University Press.
- Lexicorient. 2005 (<http://apwhwiki.pbworks.com/f/h-mamluks.gif>).
- Lombard, M. 1975. *The Golden Age of Islam*. Terj. Joan Spencer. Amsterdam: North Holland Publishing Company.
- Mahayudin Hj. Yahya. 1988. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jil.1. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Maqrizi, Taqi al-Din Ahmad b. ‘Ali b. ‘Abd al-Qadir. 1850. *al-Maw‘iz wa al-I‘tibr bi Dhikr al-Khitat al-Maqriziyah*. Jil.2&3. Kaherah: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- al-Maqrizi, Taqi al-Din Ahmad b. ‘Ali b. ‘Abd al-Qadir. 1970. *Kitab al-Suluk li Ma‘rifat Duwal al-Muluk*. Jil.1&2. Kaherah: Matba‘at Dar al-Kutub.
- Marsot, Afaf Lutfi al-Sayid. 1985. *A Short History of Modern Egypt*. London: Cambdridge University Press.
- Mez, A. 1973. *The Renaissance of Islam*. Terj. Salahuddin K.B. & D.S. Morgaliouth. London: Luzac & Co.
- Muir, Henry William. 1963. *The Caliphate: Its Rise, Decline and Fall*. Beirut: Khayats.
- Muir, Henry William. 1973. *The Mameluks or Slave Dynasty of Egypt*. London: Smith, Elder & Co.
- Northrup, Linda S. 1998. “The Bahri Mamluk Sultanate, 1250-1390”. Dlm. *The Cambridge History of Egypt – Islamic Egypt, 640-1517*. Sunt. Carl F. Petry. Jil.1. Cambridge: Cambridge University Press. Hlm. 242-289.
- al-Nuwayri, Shihab al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Wahhab. T.th. *Nihayat al-Arib fi Funun al-Adab*. Jil.1. Mesir: al-Mu’assasah al-Misriyyah al-‘Ammah.

- al-Raqid, Muhammad ‘Abd al-Mun‘im al-Sayyid. 1968. *al-Ghazw al-‘Uthmani li Misr wa Nata’ijuh ‘ala al-Watan al-‘Arabi*. Kaherah: Mu’assasat Shabab al-Jami‘ah.
- al-Safadi. 1969. *al-Wafi bi al-Wafayat*. Sunt. Ihsan ‘Abbas. Jil.7. Wiesbaden: Franz Steiner.
- al-Safadi, Salah al-Din Khalil b. Aybak. 1972. *Kitab al-Wafi bi al-Wafayat*. Jil.6. Sunt. Suen Dederling. Wiesbaden: Franz Steiner.
- al-Sayrafi, al-Khatib al-Jawhari ‘Ali b. Dawud al-Jawhari. 1970. *Inba’ al-Hasr bi Abna’ al-‘Asr*. Sunt. Hasan Habashi. Kaherah: Matba‘at al-Madani.
- Sharubim Bek, Mikhayl. 1898. *al-Kafi fi Tarikh*. Mesir: al-Qadim wa al-Hadith.
- Spuler, B. 1969. *The Muslim World*. Jil.1&2. Leiden: E.J. Brill.
- Surur, Jamal al-Din. 1960. *Dawlat al-Zahir Baybars*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Sykes, P. 1969. *A History of Persia*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Wan Kamal Mujani. 2006. *The Economic Decline of the Circassian Mamluks in Egypt (872-922/1468-1517)*. Tesis Ph.D. United Kingdom: The University of Manchester.

About the Author

Wan Kamal Mujani (Ph.D) is an associate professor at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He serves as Deputy Director of UKM’s Centre for Educational Extension until 31st December 2009, and the Deputy Director of Institute of West Asian Studies from 1st January, 2010. He is also an associate senior fellow of the Institute of West Asian Studies (IKRAB). Dr. Wan Kamal teaches undergraduate level students in Early and Medieval Islamic History and postgraduate level students in Arabic Texts and Sources in Islamic History. His main research interest is in the areas of Islamic Historiography and Economic History in the Middle East, Levant & Mediterranean. He can be contacted at inawan@ukm.my.

Lampiran 1

Kesultanan Mamluk 648-922H/1250-1517M

(Sumber: Petry 1998, 1: 518-520)

Mamluk Bahri (Turki) 648-792H/1250-1390M

- | | | |
|----|-------------------------|---|
| 1 | 648H/1250M | Umm Khalil Shajarat al-Durr (balu al-Salih Ayyub) |
| 2 | 648H/1250M | al-Mu'izz 'Izz al-Din Aybak al-Turkumani |
| 3 | 648H/1250M | al-Ashraf Musa b. Yusuf (berketurunan Ayyubi) |
| 4 | 652H/1254M | al-Mu'izz 'Izz al-Din Aybak al-Turkumani (pemerintahan kedua) |
| 5 | 655H/1257M | al-Mansur Nur al-Din 'Ali I (anak Aybak) |
| 6 | 657H/1259M | al-Muzaffar Sayf al-Din Qutuz al-Mu'izzi |
| 7 | 658H/1260M | al-Zahir Rukn al-Din Baybars I al-Bunduqdari |
| 8 | 676H/1277M | al-Sa'id Nasir al-Din Baraka Khan (anak Baybars I) |
| 9 | 678H/1279M | al-'Adil Badr al-Din Salamish (anak Baybars I) |
| 10 | 678H/1279M | al-Mansur Abu al-Ma'ali Sayf al-Din Qalawun al-Alfi |
| 11 | 689H/1290M | Khalil, al-Ashraf Salah al-Din (anak Qalawun) |
| 12 | 693H/1293M | al-Nasir Muhammad I (anak Qalawun) (pemerintahan pertama) |
| 13 | 694H/1294M | al-'Adil Zayn al-Din Kitbugha |
| 14 | 696H/1296M | al-Mansur Husam al-Din Lajin al-Ashqar |
| 15 | 698H/1299M | al-Nasir Muhammad I (anak Qalawun) (pemerintahan kedua) |
| 16 | 708H/1309M | al-Muzaffar Rukn al-Din Baybars II al-Jashnakir |
| 17 | 709H/1310M | al-Nasir Muhammad I (anak Qalawun) (pemerintahan ketiga) |
| 18 | 741H/1341M | al-Mansur Sayf al-Din Abu Bakr (anak al-Nasir Muhammad I) |
| 19 | 742H/1341M | al-Ashraf 'Ala' al-Din Kujuk (anak al-Nasir Muhammad I) |
| 20 | 742H/1342M | al-Nasir Shihab al-Din Ahmad I (anak al-Nasir Muhammad I) |
| 21 | 743H/1342M | al-Salih 'Imad al-Din Isma'il (anak al-Nasir Muhammad I) |
| 22 | 746H/1345M | al-Kamil Sayf al-Din Sha'ban I (anak al-Nasir Muhammad I) |
| 23 | 747H/1346M | al-Muzaffar Sayf al-Din Hajji I (anak al-Nasir Muhammad I) |
| 24 | 748H/1347M | al-Nasir Nasir al-Din Hasan (anak al-Nasir Muhammad I)
(pemerintahan pertama) |
| 25 | 752H/1351M | al-Salih Salah al-Din Salih (anak al-Nasir Muhammad I) |
| 26 | 755H/1354M | al-Nasir Hasan (anak al-Nasir Muhammad I) (pemerintahan pertama) |
| 27 | 762H/1361M | al-Mansur Salah al-Din Muhammad II (anak Hajji I) |
| 28 | 764H/1363M | al-Ashraf Nasir al-Din Sha'ban II b. Husayn |
| 29 | 778H/1377M | al-Mansur 'Ala' al-Din 'Ali II (anak Sha'ban II) |
| 30 | 783H/1381M | al-Muzzafar/al-Mansur Salah al-Din Hajji II (anak Sha'ban II)
(pemerintahan pertama) |
| 31 | 784H/1382M | al-Zahir Sayf al-Din Barquq al-Yalbughawi (pemerintahan pertama) |
| 32 | 791-792H/
1389-1390M | al-Muzaffar/al-Mansur Salah al-Din Hajji II (anak Sha'ban II)
(pemerintahan kedua) |

Mamluk Burji (Jarkashi) 784-922H/1382-1517M

33	784H/1382M	al-Zahir Sayf al-Din Barquq al-Yalbughawi (pemerintahan pertama)
34	791H/1389M	al-Muzaffar/al-Mansur Salah al-Din Hajji II (anak Sha‘ban II) (pemerintahan kedua)
35	792H/1390M	al-Zahir Sayf al-Din Barquq al-Yalbughawi (pemerintahan kedua)
36	801H/1399M	al-Nasir Faraj (anak Barquq) (pemerintahan pertama)
37	808H/1405M	al-Mansur ‘Izz al-Din ‘Abd al-‘Aziz (anak Barquq)
38	808H/1405M	al-Nasir Faraj (anak Barquq) (pemerintahan kedua)
39	815H/1412M	Abu al-Fadl al-Musta‘in al-‘Abbas b. al-Mutawakkil (Khalifah ‘Abbasiyyah yang diisytihar sebagai sultan)
40	815H/1412M	al-Mu‘ayyad Sayf al-Din Shaykh al-Mahmudi al-Zahiri
41	824H/1421M	al-Muzaffar Ahmad II (anak al-Mu‘ayyad)
42	824H/1421M	al-Zahir Sayf al-Din Tatar
43	824H/1421M	al-Salih Nasir al-Din Muhammad III (anak al-Zahir Sayf al-Din Tatar)
44	825H/1422M	al-Ashraf Abu al-Nasr Sayf al-Din Barsbay
45	841H/1438M	al-‘Aziz Jamal al-Din Yusuf (anak Barsbay)
46	842H/1438M	al-Zahir Sayf al-Din Jaqmaq
47	857H/1453M	al-Mansur Fakhr al-Din ‘Uthman (anak Jaqmaq)
48	857H/1453M	al-Ashraf Abu al-Nasr Sayf al-Din Inal al-‘Ala’i al-Zahiri
49	865H/1461M	al-Mu‘ayyad Shihab al-Din Ahmad III (anak Inal)
50	865H/1461M	al-Zahir Sayf al-Din Khushqadam
51	872H/1467M	al-Zahir Sayf al-Din Yalbay
52	872H/1467M	al-Zahir Timurbugha
53	872H/1468M	al-Ashraf Abu al-Nasr Sayf al-Din Qaytbay al-Zahiri
54	901H/1496M	al-Nasir Muhammad IV (anak Qaytbay)
55	904H/1498M	al-Zahir Qansuh I
56	905H/1500M	al-Ashraf Janbalat
57	906H/1501M	al-‘Adil Sayf al-Din Tumanbay I
58	906H/1501M	al-Ashraf Qansuh II al-Ghawri
59	922-923H/ 1516-1517M	al-Ashraf Tumanbay II

Lampiran II

Empayar Kesultanan Mamluk

Sumber: http://12.151.120.44/toah/hd/maml/hd_maml.htm



Lampiran III

Kemaraan 'Uthmaniyyah ke atas Syria dan Mesir

Sumber: Lexicorient 2005 (<http://apwhwiki.pbworks.com/f/h-mamluks.gif>)

